

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"ALLAH memang Maha Kaya. Di tengah-tengah krisis kewangan global yang melanda masyarakat antarabangsa pada ketika ini, umat Islam masih saja mampu untuk menyahut panggilan Ilahi ke Tanah Suci dengan penuh semangat seperti mereka tidak merasakan langsung sebarang kesan dari krisis yang merunsingkan ini."  
- Titah Sempena Hari Raya Aidiladha 1429 Hijrah / 2008 Masihi.



# Hujung Minggu

# قلبي في

# BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان  
MANISNYA IMAN

"SEMBAHYANG fardu lima waktu, Sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya, dan Ramadan ke Ramadan berikutnya menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan di antara masa tersebut seandainya dosa-dosa besar dijauhkannya."  
- Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, riwayat Muslim dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 78

30 JUN 2018 / 16 شوال 1439

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

## Berangkat ke Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian Tahun 6 ISB



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah  
Haji Awang Sulaiman  
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 29 Jun. - Seramai 82 pelajar Tahun 6 Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) diraikan hari ini pada Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian Tahun 6, menandakan berakhirnya pengajian akademik mereka di peringkat rendah dan bermulanya lembaran baharu di peringkat menengah.

Antara yang menerima sijil ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Berangkat pada majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Ke muka 2

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bergambar bersama Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian Tahun 6 Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

## Pengibaran bendera besar sempena Hari Keputeraan 1 Julai

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Jun. - Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Ke-72 Tahun bagi Tahun 2018 akan berlangsung pada 1 Julai 2018 di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkih, di ibu negara. Sehubungan itu bagi memastikan semua persediaan bagi majlis upacara tersebut

berjalan dengan sempurna dan teratur, latihan penuh upacara itu diadakan, di sini.

Anggota-anggota yang terlibat termasuklah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta perwakilan-perwakilan dari jabatan-jabatan kerajaan.

Ke muka 13

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN



Muka 6

WARGA KHEU terima P.K.L



Muka 7

PEGAWAI, kakitangan KSSUP terima P.K.L

# Berangkat ke Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian Tahun 6 ISB

Dari muka 1

Juga berangkat anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Menjunjung keberangkatan DYTM dan YTM di Kampus ISB, ialah Pengetua Eksekutif ISB, Dr. Steven P. Geraghty dan Pengetua Sekolah Rendah ISB, Darren Sibley.

DYTM dan YTM berkenan menyaksikan YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim serta para pelajar yang diraikan menerima sijil tamat pengajian mereka yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah Rendah ISB.

Majlis yang berlangsung di Teater ISB turut diserikan dengan beberapa tayangan klip video yang memaparkan perjalanan dan aktiviti-aktiviti para pelajar tersebut sepanjang persekolahan mereka bersama-sama, yang kebanyakannya telah bersama dalam satu kelas sejak tadika.

Mengimbas kembali perjalanan Sekolah Rendah mereka, kelas 2018 merupakan kumpulan yang mempamerkan prestasi tinggi dalam bidang sukan dan persembahan.

Kumpulan Tahun 6 ini melahirkan beberapa atlet yang sangat hebat terutamanya dalam Kejohanan FOBISIA (Persekutuan Sekolah Antarabangsa British di Asia), Kejohanan Renang Kebangsaan dan Kejohanan Bola Sepak yang menyaksikan banyak medal dan kemenangan podium diraih.

Antara yang paling menyerlah ialah YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, yang telah memegang pelbagai rekod dalam Kejohanan Renang Kumpulan Umur Kebangsaan dan baru-baru ini mencipta rekod baharu dalam acara renang sprint 60 meter, sprint 100 meter



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat pada Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian Tahun 6 Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB). Juga berangkat anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

dan 4 x 100 meter berganti-ganti.

Majlis Tamat Pengajian diakhiri dengan persembahan penutup yang memukau daripada para pelajar Tahun 6, memperlihatkan kebolehan seni persembahan mereka, dengan tarian dan menyanyikan lagu medley dari muzikal Hollywood, The Greatest Showman.

Pengetua Sekolah Rendah ISB, Darren Sibley semasa menyampaikan ucapan penutupnya antara lain menasihatkan para pelajar agar terus belajar dengan gigih, tidak mudah putus asa, fokus dan

sentiasa memilih untuk berbuat baik.

"Kami percaya, kami telah menyediakan yang terbaik buat mereka untuk ke peringkat Sekolah Menengah di mana mereka akan mencapai potensi penuh mereka. Kami yakin mereka sudah bersedia bagi fasa peralihan ini dari wajah-wajah yang biasa dan alam Sekolah Rendah, kepada rutin, guru dan rakan sekelas Sekolah Menengah yang baharu," jelasnya.

Ke muka 3



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah antara yang menerima sijil pada Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian Tahun 6 ISB (kiri). Sementara gambar kanan, YTM juga berkenan menyertai persembahan penutup yang memperlihatkan kebolehan seni persembahan para pelajar Tahun 6.



# Dari Sidang Pengarang.

30 JUN 2018 BERSAMAAN 1439 16 شوال

## MENJAGA KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

**K**ESSELAMATAN Jalan Raya adalah tanggungjawab bersama dan perlu diambil berat oleh setiap pihak. Pemandu yang berhemah sentiasa mementingkan keselamatan, baik sebelum memandu ataupun semasa memandu, hendaklah sentiasa mengamalkan sikap pemanduan yang baik, selain daripada mengamalkan pembacaan doa sebelum setiap perjalanan, dan mematuhi peraturan-peraturan dan tanda-tanda isyarat lalu lintas yang dipamerkan, jangan berkhayal atau berangan-angan semasa memandu dan jangan memandu jika dalam keadaan tertekan, keletihan dan mengantuk.

Sempena Memperingati Mangsa-Mangsa Kemalangan Lalulintas Jalan Raya bagi tahun 2018, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam (MKKJR) menyeru kepada semua pengguna jalan raya agar sentiasa meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya, dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah terutama ketika cuaca hujan dan jalan raya licin.

Para pemandu juga diseru untuk sentiasa memakai tali pinggang keledar, mematuhi had laju yang ditetapkan, jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, memandu mengikut jarak yang selamat, sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya demi menjaga keselamatan bersama dan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Peringatan sedemikian bukan sahaja sering dijalankan oleh MKKJR namun Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) turut mengambil tindakan kepada pemandu yang tidak mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya.

Sepertimana dalam kes terbaharu, enam pemandu dari lima buah syarikat pengangkutan telah dikenakan kompaun kerana membawa lebih berat muatan termasuk seorang pemandu dikenakan kompaun dan enam mata demerit SiKAP kerana memandu kenderaan dengan tayar tidak dalam keadaan baik atau botak.

Bukan itu saja, JPD juga mengeluarkan notis penggantungan sementara Lesen Sewa dan Upah kepada sebuah syarikat tempatan kerana didapati melakukan kesalahan kali keempat.

Tindakan tegas sebegini memang harus dilaksanakan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab dan tidak mengambil peduli akan keselamatan jalan raya. Ini kerana kecuaiannya boleh saja membahayakan nyawa diri sendiri dan juga orang lain.

Mungkin dengan tindakan seumpamanya mampu membuka mata warga masyarakat bahawa peraturan dan undang-undang negara tidak boleh dipermudahkan dan dipandang sebelah mata saja.

Mungkin juga dengan tindakan tegas, warga masyarakat akan lebih menyedari tanggungjawab keselamatan jalan raya bukanlah hanya satu pihak namun ia adalah tanggungjawab semua. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**.

## RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
30 23 °C	32 24 °C	32 24 °C
<b>PEKAN BANGAR</b>		
30 23 °C	31 23 °C	31 24 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
30 23 °C	32 23 °C	31 24 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
30 23 °C	31 23 °C	31 23 °C

Wallahualam Bissawab  
Jabatan Kaji cuaca  
Brunei Darussalam  
www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX  
App

# WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JUN	HARI	Hijrah SYAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	SABTU	16	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
1 JULAI	AHAD	17	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
2	ISNIN	18	4.38	4.48	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
3	SELASA	19	4.38	4.48	6.12	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	RABU	20	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	KHAMIS	21	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	JUMAAT	22	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
**123**

NDMC  
**2380214**

Dari muka 2

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat pada Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Pengajian Tahun 6 Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB). Juga berangkat anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah (kanan). Sementara gambar bawah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim pada majlis berkenaan.



Kampus baharu ISB yang terletak di Jalan Utama Salambigar, Kampung Sungai Hanching telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan April 2016 yang dilengkapi dengan pembelajaran dan kemudahan yang

berkualiti tinggi dan moden.

Sekolah ini menawarkan pembelajaran bagi Tahun Awal (penuntut berumur 2 hingga 5 tahun), Pendidikan Rendah (berumur 5 hingga 11 tahun), Pendidikan Menengah (berumur 11 hingga 16 tahun) dan juga peringkat International Baccalaureate (bagi penuntut berumur

16 hingga 19 tahun).

Selain menyediakan pembelajaran dan kemudahan yang berkualiti tinggi dan moden, ISB juga menggalakkan kecemerlangan dalam semua aspek perkembangan para pelajar selain mendorong pelajar ke tahap yang lebih tinggi dari akademik dan juga dalam

bidang bukan akademik.

ISB merupakan sekolah yang berstatus *eco-school* dalam usaha untuk menegenahkan isu kemampan semula jadi yang menarik di Borneo, selain menyokong perlindungan yang sedia ada melalui inisiatif pemuliharaan negara.

# Menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia

Oleh :  
Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Pg. Amirunizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman yang akan menamatkan perkhidmatannya.

Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, di sini.

Di majlis mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia merakamkan penghargaan peribadinya kepada TYT atas sumbangan beliau pada hubungan yang telah lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Sabah, terutama dalam Kebudayaan, Sukan dan Media.

TYT telah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam sejak Mac 2016.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman yang akan menamatkan perkhidmatannya.

# Berangkat sertai lawatan penempatan



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyertai sesi pembelajaran yang dibahagikan kepada dua sesi pada Lawatan Penempatan Belajar ke Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, Kluster 3 (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Jun. - Seramai 31 pelajar Tahun 5 yang mengambil subjek Bahasa Melayu dari Sekolah Antarabangsa Jerudong (Jerudong International School - JIS) mengadakan Lawatan Penempatan Belajar ke Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, Kluster 3.

Rombongan tersebut diiringi oleh Ketua Fakulti Bahasa-bahasa Asian, Awang Milhan bin Adam selaku Ketua Rombongan tersebut dan empat guru JIS.

Berkenan berangkat menyertai lawatan penempatan belajar tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Terdahulu, rombongan dibawa ke Bilik Muzakarah bagi sembah taklimat dari Guru Besar Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, Dayang Hajah Noorliah binti Haji Aspar.

Dayang Hajah Noorliah menyembahkan, dengan adanya lawatan berkenaan diharap akan dapat membuahkan hasil serta memberikan pengalaman yang berharga walaupun dalam masa yang singkat.

Yang Teramat Mulia dan rombongan kemudian beredar ke Bilik Khas bagi sesi pembelajaran yang dibahagikan kepada dua sesi.

Manakala, sesi perkongsian

ilmu daripada guru Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49 bagi guru-guru JIS diadakan di Bilik Muzakarah.

Menerusi lawatan penempatan ini, pelajar akan dapat melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu yang disediakan oleh Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, agar mereka akan dapat memahami, menghayati dan mengaplikasi pengetahuan yang diperolehi daripada lawatan tersebut di dalam pembelajaran mereka di dalam kelas nanti.

Antara tujuan lawatan tersebut adalah bagi mendedahkan pelajar kepada suasana pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu di dalam kelas sekolah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

berkenaan.

Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49 dibina pada 9 Jun 2004 dan mula beroperasi

pada 9 Februari 2006.

Sekolah tersebut mempunyai jumlah keramaian murid seramai 490 dan 52 guru.



**YANG Teramat Mulia berkenan menyertai Lawatan Penempatan Belajar ke Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49 bersama rombongan Sekolah Antarabangsa Jerudong (Jerudong International School - JIS) (atas kiri), sementara gambar atas, YTM berkenan menandatangani lembaran kenangan.**

**SESI sembah taklimat daripada Guru Besar Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49, Dayang Hajah Noorliah binti Haji Aspar (kiri).**

# Sikap keprihatinan perlu dipupuk, dipelihara



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apung menyempurnakan penyampaian Pingat Kerja Lama dan sijil kepada pegawai serta kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah bersara bagi Tahun 2017 (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**TUTONG**, Jumaat, 29 April. - Kita berasa kagum dan bersyukur menyaksikan sikap keprihatinan anggota masyarakat di negara ini terhadap keluarga yang memerlukan bantuan, termasuklah

anak-anak yatim di sepanjang bulan Ramadan yang lalu.

Sikap keprihatinan segenap lapisan masyarakat di negara ini mencerminkan akan hasrat kita supaya tidak ada yang tercicir atau

terpinggir daripada menikmati tahap kehidupan yang berpatutan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apung menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya Tahun 1439H / 2018M, berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sikap sedemikian seharusnya dipupuk dan dipelihara, khasnya dalam kalangan anggota masyarakat di peringkat kampung dan mukim.

Ia juga patut diteruskan lagi selepas bulan Syawal ini supaya mereka yang memerlukan bantuan akan terus dapat diberikan perhatian dan seterusnya mendukung salah satu pencapaian Wawasan Negara 2035, iaitu kualiti kehidupan yang tinggi dalam kalangan 10 negara terbaik.

Majlis berkenaan juga diselenggarakan dengan Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) dan sijil kepada 125 pegawai dan

kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah bersara bagi Tahun 2017.

Suasana majlis turut diserikan lagi dengan persembahan daripada Badan Kebudayaan Jabatan Penjara.

Majlis antara lain bertujuan untuk sama-sama memeriahkan suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri yang mubarak bersama dengan warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, termasuk Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di keempat-empat daerah.

Juga hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari KHEDN, ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

## Kunjungan perpisahan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kanan) semasa menerima kunjungan perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 29 Jun. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan perpisahan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman yang akan menamatkan perkhidmatannya di Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan tersebut berlangsung pada 27 Jun 2018, bertempat di pejabat Yang Berhormat Pehin

di DarulIfta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Tuan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 23 Mac 2016 yang lalu.

Tuan Yang Terutama juga pernah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Pehin pada 2 November 2016, antara lain bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada di samping bertukar-tukar pandangan dan maklumat dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Mufti Kerajaan



JUGA hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai (kiri) dan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) KHEDN, Awang Md. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud (kanan).

## Pelantikan Ketua Hakim Mahkamah Besar baharu

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 29 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi, Yang Arif Dato Paduka Steven Chong Wan Oon sebagai Ketua Hakim Mahkamah Besar bagi menggantikan Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli yang telah menamatkan perkhidmatannya.

Tarikh pelantikan Yang Arif Dato Paduka Steven Chong Wan Oon berkuat kuasa mulai Sabtu, 16 Syawal 1439 bersamaan 30 Jun 2018.

# Warga KHEU terima P.K.L



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penganugerahan Pingat Kerja Lama (P.K.L) bagi seramai 151 warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang terdiri daripada 49 lelaki dan 102 perempuan (kanan, kiri dan bawah kiri).



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Jun. - Khidmat bakti bagi seramai 151 warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang terdiri daripada 49 lelaki dan 102 perempuan dihargai dengan penerimaan Pingat Kerja Lama (P.K.L) berlangsung di Dewan Multaqa, kementerian berkenaan.

Penanugerahan P.K.L berkenaan adalah bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Ke-71, Tahun 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penganugerahan pingat-pingat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia

Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU.

Penganugerahan pingat itu merupakan tanda pengiktirafan atas ketekunan kerja para penerima kepada raja dan kerajaan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara kriteria penerima P.K.L, di samping telah berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun juga mempunyai rekod perkhidmatan sangat baik.

## Majlis keagamaan bagi Memperingati Mangsa Kemalangan Lalu Lintas



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (tiga, kanan), selaku Pengerusi MKKJR hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Ratib Al-Attas sempena Memperingati Mangsa-Mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya bagi tahun 2018.

Berita dan Foto :  
Hernie Suliana Haji Othman

**JALAN MUARA**, Khamis, 28 Jun. - Sebagai usaha berterusan untuk memohon keberkatan pada setiap usaha dan perancangan ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya demi kebajikan semua, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Ratib Al-Attas sempena Memperingati Mangsa-Mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya bagi

Tahun 2018.

Hadir pada majlis yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Hanching di sini ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, selaku Pengerusi MKKJR.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad, selaku Timbalan Pengerusi II MKKJR dan Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohammad Nazri bin Mohammad Yusof.

Juga hadir, para pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli-ahli MKKJR serta murid-murid Sekolah Ugama Sungai Hanching.

Majlis diadakan bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara ini, terutamanya pengguna-pengguna jalan raya sentiasa diberikan perlindungan dari kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Dalam kesempatan ini, MKKJR Negara Brunei Darussalam

## Pelantikan, pertukaran pegawai kanan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Jun. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan dan pertukaran pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Pegawai Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Md. Amir Hairil bin

Awang Haji Mahmud menjadi Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN.

Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut menjadi Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN.

Timbalan Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan ditukar ke KHEDN menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah).

Tarikh pelantikan dan pertukaran pegawai-pegawai tersebut berkuat kuasa mulai Khamis, 14 Syawal 1439H bersamaan 28 Jun 2018M.

menyeru semua pengguna jalan raya supaya meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika berada di jalan raya dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah terutama ketika cuaca hujan dan jalan raya licin.

Pemandu berhemah sentiasa mementingkan keselamatan, baik sebelum ataupun semasa memandu, sentiasa mengamalkan sikap yang baik, selain mengamalkan pembacaan doa sebelum memulakan setiap perjalanan. Para pemandu juga disaran sentiasa mematuhi undang-undang serta peraturan

jalan raya dan tanda-tanda isyarat lalu lintas yang dipamerkan, tidak berkhayal atau berangan-angan semasa memandu dan jangan memandu dalam keadaan tertekan, keletihan dan mengantuk.

Para pemandu juga diseru untuk sentiasa memakai tali pinggang keledar, mematuhi had laju yang ditetapkan, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu, memandu mengikut jarak yang selamat demi menjaga keselamatan bersama, mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan kerana hadiah terbaik adalah untuk sampai ke destinasi dan ke pangkuan keluarga dengan selamat.

# Pegawai, kakitangan KSSUP terima P.K.L



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) semasa menyampaikan Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71, Tahun 2017 kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun. - Seramai 54 pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah dikurniakan Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71, Tahun 2017 pada majlis yang berlangsung

di Dewan Setia Pahlawan, kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan pingat serta sijil kepada para penerima ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha KSSUP, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai-pegawai kanan

KSSUP.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Salleh bin Pengiran Haji Zakaria.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyertai sesi bergambar ramai bersama para penerima P.K.L.

Pengurniaan pingat kepada penerima-penerima dalam kalangan warga KSSUP merupakan pengiktirafan di atas sumbangan perkhidmatan yang cemerlang serta taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih

dan baik di sepanjang tempoh perkhidmatan yang melebihi 20 tahun dengan Kerajaan Kebawah DYMM.

## Lelaki Filipina terima Nur Islam

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 29 Jun. - Syiar Islam di negara ini terus berkembang apabila seorang lelaki berbangsa Filipina telah memeluk agama Islam sebagai agama anutannya yang sebenar.

Majlis pengislaman beliau berlangsung di kediaman Dato Paduka Haji Nordin bin Haji Yussof, Kampung Lambak, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan lafaz ikrar masuk Islam oleh John Keneth Adlawan Abuayo yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Abdul Aziz bin Abdullah, 26 tahun yang telah bekerja di syarikat swasta di negara ini lebih empat tahun.

Majlis pengislaman disempurnakan oleh pegawai-

pegawai dari Unit Pengislaman, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis tersebut juga diselenggarakan dengan penyampaian derma peribadi Dato Paduka Haji Nordin kepada 30 anak yatim dari Kampung Lambak Kanan dan sekitarnya sempena meraikan Hari Raya Aidilfitri yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Semasa ditemui Pelita Brunei, Awang Abdul Aziz menjelaskan, beliau memilih agama Islam kerana melihat keindahan kehidupan Muslim di negara ini yang harmoni.

Dalam pada itu, dari Januari hingga Mei 2018, seramai 200 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara dan 103 orang daripadanya dari Daerah Brunei dan Muara.

Manakala sepanjang tahun 2017 menunjukkan seramai 409 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara.

## Sambutan Hari Raya Pejabat Peguam Negara



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh (tengah) semasa menghoskan Majlis Berhari Raya di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun. - Dalam menyemarakkan suasana Aidilfitri di negara ini, Pejabat Peguam Negara (PPN) mengadakan Majlis Berhari Raya Bersama Yang Berhormat Peguam Negara di Bangunan Undang-Undang dan

Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Majlis tersebut dihoskan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Turut hadir, Peguamcara Negara, Awang Haji Muhd. Yusree bin Haji Junaidi serta para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan PPN.

Majlis antaranya bertujuan untuk beramah mesra dan bermaaf-maafan sambil mengeratkan hubungan silaturahim di antara satu dengan yang lain dalam kalangan pegawai dan kakitangan PPN.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof (tengah) menyampaikan cenderamata kepada saudara baharu yang diraikan, Awang Abdul Aziz bin Abdullah.

# Pesta Pengguna Ke-21 dilancarkan



MENTERI Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes (kanan) ketika memotong reben bagi pelancaran 'Thailand Grand Fair 2018' (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (kiri) berkesempatan menyaksikan produk Thailand iaitu antara jualan yang terdapat di Pesta Pengguna Ke-21 (CF21).



SEBAHAGIAN daripada pengunjung CF21 yang hadir di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun. - Pesta Pengguna Ke-21 (CF21) anjuran D'Sunlit Sendirian Berhad diadakan selama lima hari bermula hari ini bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat melancarkan CF21 ialah Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Majlis pelancarannya turut dihadiri oleh para pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua perwakilan asing di negara ini, Ketua Organisasi dan rakan kongsi CF21.

Terdahulu, Pengarah Eksekutif D'Sunlit Sendirian Berhad, Dato Paduka Haji Danial bin Haji Hanafiah dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, lebih 400 petak jualan disediakan terdiri dari para peniaga tempatan dan antarabangsa.

Tambahnya, CF21 membawakan pelbagai aktiviti menarik bagi golongan dewasa dan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto: Azmah Haji Ahad

kanak-kanak serta orang ramai, di samping berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik.

Pada majlis itu, tetamu kehormat dibawa ke 'Thailand Grand Fair 2018' bagi melancarkan pameran berkenaan bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes.

'Thailand Grand Fair 2018' membawakan 'The Best of Thai Street Food' yang menentang produk dari Thailand.

CF21 dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali Jumaat akan ditutup sementara jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

## Perkhidmatan Kaunter JPD tutup, petang 30 Jun

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Perhubungan memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua perkhidmatan kaunter di semua bahagian pembayaran di Ibu Pejabat JPD Beribi, Jalan Gadong dan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan (VIC) serta di cawangan-cawangan JPD, iaitu di Kompleks Latihan dan Ujian Memandu Litar JPD Sungai Akar; JPD Cawangan Daerah Brunei Muara (Pejabat Lama); JPD Cawangan Daerah Belait; JPD Cawangan Daerah Tutong; dan JPD Cawangan Daerah Temburong hanya akan dibuka pada sebelah pagi sahaja, iaitu mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi; Sabtu, 30 Jun 2018 dan akan ditutup pada sebelah petangnya.

Penutupan tersebut adalah disebabkan Penutupan Pertengahan Tahun Kewangan Bank 2018.

Perkhidmatan Kaunter JPD akan kembali beroperasi seperti biasa mulai Isnin, 2 Julai 2018, jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang.

Jabatan tersebut memohon maaf di atas kesulitan yang mungkin akan dihadapi.

Menabung Kebangsaan 2018, yang seterusnya akan diadakan di Daerah Belait pada Isnin, 2 Julai 2018; di Daerah Tutong pada Rabu, 4 Julai 2018 dan di Daerah Temburong pada Rabu, 11 Julai 2018.

Selain itu antara acara yang akan diadakan bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018 termasuklah 'Financial Fun Fair' di Jerudong Park Colonnade pada Sabtu, 4 Ogos 2018, dari jam 4.00 petang hingga 10.00 malam, dan Ahad, 5 Ogos 2018, dari jam 12.00 tengah hari hingga 6.00 malam.

Acara ini akan menampilkan pelbagai program keluarga dan aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan secara berhemat dan 'Financial Showcase' pada bulan September 2018.

Maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2018 ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang AMBD di [www.ambd.gov.bn/nsd2018](http://www.ambd.gov.bn/nsd2018) atau memuat turun AMBD App dari App Store atau Google Playstore atau mengikuti AMBD di Instagram melalui @ [autoriti\\_monetari](https://www.instagram.com/autoriti_monetari).

## Jerayawara Hari Menabung Kebangsaan 2018

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun.- Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Radio Televisyen Brunei (RTB), Tabung Amanah Pekerja (TAP) serta institusi-institusi dan agensi-agensinya berkecuali telah mengadakan jerayawara yang pertama bersempena dengan Hari Menabung Kebangsaan 2018 di Sekolah Ugama Arab Menengah Pengiran Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Turut hadir para pegawai kanan daripada AMBD, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan SUAMPRIPAHS.

Dengan tema 'Generasi Celik Kewangan', jerayawara ini diharap dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menabung, pandai berdikari dari segi kewangan (*financial independence*), di samping meningkatkan kesedaran para penuntut mengenai cara untuk menangani isu-isu kewangan. Ini selaras dengan usaha pihak AMBD

untuk membangunkan generasi yang celik kewangan selain ke arah merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi Negara Brunei Darussalam, iaitu mempunyai ekonomi yang dinamik dan mampan, serta rakyat juga penduduk yang berkemahiran tinggi.

Sebanyak seratus penuntut daripada Pusat-pusat Tingkatan Enam dan Sekolah-sekolah Menengah di Daerah Brunei dan Muara dijemput menghadiri jerayawara ini, di mana para penuntut juga berpeluang mengikuti permainan dan aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan mata wang anjuran AMBD, TAP, Bank Baiduri, BIBD, dan Junior Achievement.

Jerayawara ini merupakan jerayawara pertama daripada siri jerayawara-jerayawara Hari

# Pesara KKBS diraikan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (enam, kanan) bergambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) serta para jemputan pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kanan) semasa berkunjung di pondok menghidangi juadah bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri tersebut.

Oleh : Noorati Haji Abas  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Khamis, 28 Jun. - Seramai 32 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang bersara pada tahun 2017 diraikan pada Majlis Penyampaian Sijil dan Cenderamata yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata kepada para pesara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dalam ucapannya berharap para pesara akan terus

dapat menyumbang dan menabur bakti serta berkongsi pengalaman terutamanya dengan para belia bagi sama-sama membangun serta mendukung wawasan negara.

"Walaupun perkhidmatan biskita dalam perkhidmatan awam sudah berakhir, namun tidak bermakna penglibatan kita dalam masyarakat juga akan turut bernoktah. Perkhidmatan biskita sebenarnya masih diperlukan dalam sama-sama membangunkan masyarakat, bangsa, agama dan negara," tambahnya lagi.

Majlis turut diselenggarakan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda syukur muslimin setelah menjalani ibadah puasa bulan Ramadan dan kejayaan warga KKBS dalam mengelolakan pelbagai acara keagamaan dan program-program yang bermanfaat bagi belia dan masyarakat di sepanjang bulan tersebut.

Langkah KKBS meluaskan jangkauan sambutan berkenaan adalah manifestasi pengekalaman amalan kunjung-mengunjungi di antara komuniti. Pengluasan jemputan kepada Persatuan Orang Kurang Upaya (OKU), Persatuan Warga Emas, Alumni Progam Khidmat Bakti Negara (PKBN), Alumni Pusat Pembangunan Belia juga persatuan-persatuan Belia dan Sukan di seluruh daerah yang mengharungi perjalanan dari jauh memperlihatkan kejituan hubungan keluarga besar KKBS.

Selain itu, ia merupakan salah satu kegiatan sosial berkebakikan yang diharapkan dapat mewujudkan keharmonian dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga kerja, terutamanya para pegawai dan kakitangan kementerian serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Dengan majlis seumpama itu juga dapat membantu menerapkan nilai-nilai yang lebih positif dalam hubungan kekeluargaan dalam kalangan warga KKBS.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) semasa menyampaikan sijil dan cenderamata kepada salah seorang pesara.

## Tip Pendidikan



Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga."

- Buat jadual ulang kaji yang seimbang bagi setiap mata pelajaran.
- Tumpukan pada topik utama sahaja. Tanya guru untuk mendapatkan *hint* (bayangan) tentang topik yang mungkin akan disoal di dalam peperiksaan.
- Semak contoh-contoh soalan tahun-tahun yang lalu.
- Ulang kaji dengan cermat setiap mata pelajaran.
- Sediakan nota-nota ringkas, terutamanya bagi topik yang dijangka akan keluar.
- Buat rangka jawapan topik-topik yang dijangka keluar berdasarkan soalan-soalan peperiksaan yang lepas.
- Latih diri menjawab soalan-soalan peperiksaan yang lepas mengikut waktu yang telah ditetapkan.
- Rujuk kepada guru apabila menghadapi masalah pelajaran.
- Jangan sekali-kali ponteng kelas ketika hampir peperiksaan kerana mungkin ketinggalan tip-tip penting yang diberikan guru.

# Beristiqamah dalam mengerjakan amal ibadat

**M**ARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Hari Raya Aidilfitri adalah hari kemenangan umat Islam setelah berjaya melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan. Umat Islam merayakan dan menyambut Aidilfitri dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan. Oleh itu, dalam kegembiraan dan keceriaan kita merayakan dan menyambut Aidilfitri ini, janganlah sampai kita lupa untuk terus melakukan amal ibadat dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik dengan istiqamah, iaitu melaksanakan amal ibadat secara berterusan untuk menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya istiqamah yang dimaksudkan itu ialah berdiri teguh di atas jalan yang lurus, berpegang kukuh kepada akidah Islam dan melaksanakan syariatnya dengan tekun, tidak berubah dan tidak berpaling dalam apa jua keadaan sekalipun. Kita akan tetap beristiqamah, walaupun dengan amalan yang sedikit tetapi berterusan itu adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali sekala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Imam Muslim :

#### Maksudnya :

*"Daripada 'Aiyah Radiallahuanha telah berkata ia, bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sebaik-baik amalan kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit."*

Orang yang istiqamah atau berterusan dalam mengerjakan ibadat, beramal kebajikan, berakhlak mulia dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya itu dijanjikan dengan pelbagai ganjaran sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surat Fushshilat, ayat 30.

#### Tafsirnya :

*"Sesungguhnya orang-orang yang berkata : Tuhan kami ialah Allah,*



*kemudian mereka meneguhkan pendirian, maka malaikat akan turun kepada mereka sambil berkata, janganlah kamu takut dan janganlah kamu berdukacita, serta bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepada kamu."*

Daripada ayat Al-Quran tersebut, terdapat beberapa hikmah yang terkandung dalam beristiqamah, antaranya ialah :

**Pertama :** Seseorang yang istiqamah dalam amal ibadahnya akan selalu didatangi oleh para malaikat dan ia merupakan satu keuntungan kepadanya disebabkan malaikat itu membawa rahmat.

**Kedua :** Seseorang yang istiqamah, tidak mudah berasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinan, kukuh pendirian dan besar harapannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ketiga :** Orang yang istiqamah tidak mudah berasa sedih terutamanya apabila kehilangan sesuatu kerana ia berasa semua itu adalah memang milik Allah Subhanahu Wata'ala.

**Keempat :** Mereka yang istiqamah juga mendapat balasan syurga yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ugama kita menuntut umatnya untuk sentiasa beristiqamah dalam melakukan

amal kebajikan. Oleh itu, apa yang kita amalkan dan kerjakan di bulan Ramadan seperti mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat, bertadarus, berzikir, berdoa, beriktikap, bersedekah dan sebagainya, semua itu hendaklah diteruskan dan diamalkan di bulan-bulan yang lain untuk menjadi pembakar semangat supaya kita terus berusaha meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah setelah kita melakukan amal ibadat di bulan Ramadan dengan penuh kesungguhan dan berjuang berhabis-habisan untuk meraih ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi apabila kita memasuki bulan Syawal dan bulan-bulan yang lainnya, kita kembali untuk melakukan dosa dan maksiat di dalamnya.

Oleh yang demikian, hendaklah kita terus istiqamah pada setiap amal ibadat dan amalan yang berkebajikan yang kita kerjakan dan tinggalkanlah perkara-perkara yang mungkar kerana istiqamah itu mempunyai banyak kebaikan, ditambah pula dengan ganjaran yang telah dijanjikan.

Mudah-mudahan dalam kita beristiqamah akan dapat membentuk diri kita menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, dengan berlalunya bulan Ramadan bukan bererti apa yang kita lakukan di bulan Ramadan itu turut berakhir dan terhenti. Mudah-mudahan segala ibadat dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat berkat, rahmat dan innayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya ugama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa mensyukuri segala nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Antara nikmat yang perlu disyukuri itu ialah nikmat keamanan dan kedamaian bernaung di bumi Brunei Darussalam yang bertuah ini.

Oleh itu, untuk memastikan keamanan dan kedamaian sentiasa terjaga, setentunya negara kita memerlukan institusi atau agensi, yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan keamanannya terpelihara. Antara jabatan atau institusi kerajaan yang berperanan penting dalam membantu mengawal dan memastikan keamanan

negara ini sentiasa terjaga adalah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jabatan ini adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan visi, iaitu ke arah perkhidmatan yang dinamik dan kredibel.

Alhamdulillah, pada tahun ini, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan menyambut Sambutan Jubli Intan sempena penubuhannya yang ke-60 tahun pada 1 Julai 2018. Perlu diketahui, peranan utama jabatan ini adalah mengawal dan mengatur orang-orang asing yang masuk dan keluar dari negara ini supaya tidak menjejaskan kepentingan negara dari segi keselamatan, ekonomi, sosial, agama dan budaya. Selain itu, fungsi jabatan ini juga adalah bagi menentukan taraf kependudukan serta melaksanakan pendaftaran-pendaftaran yang berkaitan dengan kelahiran dan kematian, kerakyaatan, pengeluaran kad pengenalan dan anak-anak angkat sesuai dengan undang-undang yang telah dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam ini. Semoga Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan akan dapat berupaya menjalankan tugas dan perkhidmatannya dengan baik sesuai dengan visi jabatan itu sendiri.

Akhirnya marilah kita sama-sama meningkatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan perlindungan-Nya juga negara kita berada dalam keadaan aman, tenteram dan selamat. Marilah kita berdoa semoga nikmat keamanan dan kedamaian bernaung di bumi Brunei Darussalam ini terus berkekalan dan mudah-mudahan kita sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152.

#### Tafsirnya :

*"Maka ingatlah kamu kepada-Ku dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat nescaya aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat."*

## Syarikat pengangkutan digantung lesen

### Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun. - Enam pemandu daripada lima buah syarikat pengangkutan dikenakan kompaun di antara BND50 hingga BND500 kerana membawa lebih berat muatan, termasuk seorang pemandu dikenakan kompaun dan 6 mata demerit SIKAP kerana memandu kenderaan dengan tayar tidak dalam keadaan baik atau botak semasa rondaan oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) pada 14 Jun, 20 Jun dan 21 Jun 2018 di jalan-jalan raya di negara ini.

JPD juga mengeluarkan notis penggantungan sementara Lesen Sewa dan Upah selama tiga (3)

bulan kepada Syarikat Haji Zaini HZ TRANSPORT, yang mana pemandu syarikat tersebut telah dikenakan kompaun sebanyak BND500 kerana melakukan kesalahan kali keempat membawa lebih berat muatan.

JPD akan terus mengadakan operasi di jalan-jalan raya di negara ini bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan orang ramai khususnya para pengguna jalan raya adalah terjaga.

Mana-mana pemandu yang tidak mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya akan dikenakan kompaun serta mata demerit SIKAP. Manakala Lesen Sewa dan

Upah syarikat pengangkutan juga akan digantung bagi tempoh tiga (3) bulan.

JPD terus mempelawa orang ramai dalam sama-sama meningkatkan keselamatan Jalan Raya dan boleh menghadapi aduan yang berkaitan dengan kesalahan lalu lintas jalan raya dengan menghubungi Hotline Bahagian Penguatkuasaan JPD dan Aplikasi Whatsapp Penguatkuasaan JPD di talian +673 7292017 atau Aplikasi WhatsApp Talian Darussalam +673 8333123.

**BAHAGIAN Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Darat ketika membuat rondaan dan operasi di jalan-jalan raya di negara ini.**



# Program Pendekatan PK kongsi statistik jenayah



DAERAH Polis Brunei Muara, Balai Polis Muara diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, Penolong Penguasa Polis Zamri Salleh Haji Mahmud bersama lapan anggota Balai Polis Muara bergambar ramai ketika membuat Program Pendekatan Pengawasan Kejiranan (PK) serta kunjungan hari raya ke kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Othman @ Osman (duduk, dua, kanan) selaku Ketua Kampung Sabun / Pekan Muara / Masjid Lama / Pelumpang.

## Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Jun. - Daerah Polis Brunei Muara, Balai Polis Muara tidak ketinggalan untuk membuat Program Pendekatan Pengawasan Kejiranan (PK) serta kunjungan hari raya ke kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji

Mohamed bin Pengiran Haji Othman @ Osman Ketua Kampung Sabun / Pekan Muara / Masjid Lama / Pelumpang kelmarin. Rombongan diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Muara, Penolong Penguasa Polis Zamri Salleh

Haji Mahmud bersama lapan anggota Balai Polis Muara.

Program pendekatan ini bertujuan berkongsi statistik jenayah dan lalu lintas yang berlaku di kawasan kampung berkenaan. Di samping itu juga, saling bertukar pendapat dan cadangan untuk mempertingkatkan keselamatan di sekitar kampung.

# SMALHB, IBTE Kampus Bisnes johan tausyeh



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang (kiri) ketika menyampaikan hadiah kepada Kumpulan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) dan IBTE Kampus Bisnes masing-masing muncul johan Kategori Lelaki dan Perempuan pada Peringkat Akhir Pertandingan Tausyeh Pusat Tingkatan Enam (PTE) dan Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Senegara Kali Pertama bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TUTONG**, Khamis, 28 Jun. - Kumpulan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) dan IBTE Kampus Bisnes masing-masing muncul johan Kategori Lelaki dan Perempuan pada Peringkat Akhir Pertandingan Tausyeh Pusat

Tingkatan Enam (PTE) dan Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Senegara Kali Pertama bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di dewan Pusat Tingkatan Enam Tutong (PTET), di sini. Manakala Naib johan Kategori

Lelaki dan Perempuan masing-masing disandang oleh kumpulan PTET dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. PTE Meragang pula meraih tempat ketiga bagi Kategori Lelaki manakala Kategori Perempuan dimenangi oleh PTET. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah ialah Timbalan Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang. Pertandingan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Rohani dan dikelolakan oleh PTET itu menyaksikan empat kumpulan lelaki dan lima kumpulan perempuan bertanding pada peringkat akhir tersebut.

Di antara tujuan pertandingan diadakan ialah untuk menggalakan pelajar terus meminati dan menceburi diri dalam pelbagai kesenian agama selain menceburi dan mengetengahkan bakat yang sedia ada serta meningkatkan rasa kecintaan kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui kesenian agama yang dipersembahkan.

## Program Bandarku Ceria dibuka semula 1 Julai

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Jun. - Program Bandarku Ceria yang lazimnya diadakan pada setiap Ahad bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi akan dibuka semula bermula 1 Julai 2018.

Semua jenis aktiviti Bandarku Ceria seperti beriadah dan berbasikal adalah dibukakan seperti biasanya.

Orang ramai dialu-alukan untuk datang beramai-ramai ke Bandar Seri Begawan (BSB) dan menggunakan ruang-ruang yang ada bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk riadah, kebudayaan, kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Dalam pada itu, aktiviti berjaja juga akan dibukakan di sepanjang Jalan Pemancha, Jalan Roberts dan Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Sehubungan itu, beberapa jalan raya di kawasan Bandar Seri Begawan akan ditutup seperti biasa di antara 6.00 pagi hingga 10.00 pagi setiap Ahad.

Sementara Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin ditutup dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Kehadiran orang ramai diharap dapat menjadikan BSB sebagai sebuah *urban park* yang dapat dinikmati oleh semua melalui aktiviti-aktiviti riadah seperti berjalan, berjoging, berbasikal, senamrobik, berjual-beli sambil menyaksikan Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 Tahun bagi Tahun 2018 yang akan diadakan pada pagi tersebut.

## Waktu perkhidmatan kaunter Pos pada 30 Jun

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Pos ingin memaklumkan orang ramai bahawa Penutupan Akaun Setengah Tahun bagi Bank-bank di Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 2018 adalah pada Sabtu, 30 Jun 2018.

Sehubungan itu, waktu perkhidmatan kaunter bagi semua cawangan pos di Daerah Brunei dan Muara adalah bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Manakala cawangan-cawangan pos di Daerah Tutong, Belait dan Temburong akan ditutup pada tarikh berkenaan.

Kaunter perkhidmatan akan kembali beroperasi seperti biasa pada 2 Julai 2018.

Jabatan ini memohon maaf ke atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

# 106 anggota PPDB terima P.K.L.P



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam (dua, kanan) menyampaikan Pingat Kerja Lama Polis (P.K.L.P) kepada penerima sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun bagi Tahun 2017 kepada 106 pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

GADONG, Khamis, 28 Jun. - Seramai 106 pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerima Pingat Kerja Lama Polis (P.K.L.P) bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun bagi Tahun 2017.

Majlis berlangsung di Dewan Auditorium, Ibu Pejabat Polis, Jalan Tungku, di sini.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, SM APO 6924 Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Haji Matahir.

Majlis diteruskan dengan penyampaian pingat kepada para penerima oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Irwan bin Haji Hambali, pengarah-pengarah, timbalan pengarah, pegawai-pegawai dan anggota-anggota PPDB.

Penganugerahan pingat berkenaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para penjawat awam yang berkhidmat lebih 20 tahun.

Di samping mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, pengiktirafan ini juga dapat meningkatkan dan menyuntik motivasi para penerima untuk terus mencurahkan bakti pada kerajaan dan negara.

## Peserta Bengkel Pengucapan Umum terima sijil



KETUA Bahagian Penyebaran Dakwah, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong (kanan) ketika menyampaikan sijil kepada peserta Bengkel Pengucapan Umum.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Jun. - Bengkel Pengucapan Umum kelolaan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah yang telah bermula sejak 25 Jun lalu berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para pesertanya hari ini.

Hadir menyempurnakan majlis yang berlangsung di Bilik Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI itu ialah Ketua Bahagian Penyebaran Dakwah, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Seramai 12 peserta terdiri daripada para pegawai dan

kakitangan PDI dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyertai bengkel berkenaan.

Tenaga pengkursor sepanjang bengkel dijalankan ialah Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Salah seorang peserta bengkel, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Awangku Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin ketika ditemui menjelaskan, terdapat beberapa faktor penting yang diperoleh daripada bengkel yang diadakan selama empat hari itu,

yang mana antaranya ialah niat, ilmu pengetahuan, keberanian dan muhasabah diri.

"Niat itu penting katanya di dalam memberi pengucapan umum misalnya ceramah atau forum kerana tanpa keikhlasan apa yang ingin disampaikan itu adalah penting. Sementara ilmu pengetahuan itu adalah berguna sebelum kita ingin menyampaikan sesuatu isi perkara," katanya.

Jelasnya lagi, keberanian pula perlu diterapkan sebagai seorang penyampai ceramah terutama sekali di hadapan umum dan muhasabah diri membawa maksud apa yang disampaikan mestilah dipraktikkan dulu kepada diri sendiri sebelum memberi nasihat dan sebagainya kepada orang lain.

Antara objektif bengkel adalah memberikan bimbingan asas supaya menjadi seorang individu yang berani tampil bercakap di khalayak ramai; memberikan garis panduan mengenai teknik ceramah atau forum yang betul untuk dipraktikkan oleh bakal-bakal penceramah, pengkursor dan lain-lain.

Selain itu, ia juga adalah sebagai salah satu usaha PDI bagi melahirkan penceramah tempatan yang berkebolehan dan dapat ditampilkan, sekali gus menjadi pelapis da'ie di masa akan datang dan memberi pendedahan serta pengalaman kepada peserta untuk menjadi seorang penceramah, pengkursor atau terlibat dalam rancangan-rancangan di radio juga televisyen.

Bengkel diharap akan dapat melahirkan penceramah-penceramah yang berkualiti dan berpotensi serta dapat mengaplikasikan teknik penyampaian ceramah yang lebih berkesan kepada masyarakat.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hamzah Mohidin

## JKR : Sumber kualiti air mentah terjejas

Siaran Akhbar :  
Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 28 Jun. - Jabatan Kerja Raya (JKR) memaklumkan kepada orang ramai bahawa akibat daripada kejadian banjir baru-baru ini disebabkan oleh hujan lebat yang kerap telah menjejaskan sumber kualiti air mentah di Sungai Tutong.

Kualiti air mentah yang terjejas menyebabkan tugas merawat air menjadi lebih kompleks dan sukar. Walau bagaimanapun, ia adalah perlu bagi memastikan kualiti air mencapai Piawai WHO.

Di samping isu kualiti dan kuantiti juga dihadapi oleh jabatan ini berpunca daripada paip utama di Loji Rawatan Air Bukit Barun yang pecah dan ia mengakibatkan kuantiti air bersih yang dibekalkan ke Daerah Brunei dan Muara terutama ke kawasan Lambak serta Madang terjejas. Walau bagaimanapun, paip utama berkenaan telah pun siap diperbaiki pada 23 Jun 2018, jam 3.30 pagi.

Pihak JKR juga ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa usaha bagi menangani kedua-dua isu, iaitu kualiti dan kuantiti bekalan air sedang dilaksanakan.

Setelah kedua isu-isu berkenaan ditangani, langkah seterusnya adalah untuk mengimbangi paras air di dalam takungan utama bagi memastikan bekalan air kepada orang ramai adalah stabil.

JKR juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi jaminan kepada orang ramai bahawa jabatan adalah sangat komited dalam memperbaiki bekalan air dan atas sebab ini, pelbagai inisiatif secara berterusan telah diambil. JKR juga melaksanakan usaha-usaha yang perlu bagi memastikan setiap aduan orang ramai akan disiasat dan diambil tindakan.

Jabatan merakamkan kekesalan atas sebab kejadian yang berlaku, di mana ia bertepatan dengan musim perayaan Aidilfitri dan pihak JKR akan terus memaklumkan mengenai perkembangan pembekalan air kepada orang ramai serta ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan juga kesabaran orang ramai.

# Pengibaran bendera besar sempena Hari Keputeraan 1 Julai



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Dari muka 1

Hadir bagi menyaksikan latihan tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Ajman bin Haji Meludin yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena sambutan berkenaan.

Turut hadir, pegawai-pegawai KHEDN dan Jabatan Adat Istiadat Negara, pegawai-pegawai Daerah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena sambutan tersebut.

ANGGOTA Tentera Laut Diraja Brunei semasa menaikkan bendera besar pada Latihan Penuh Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun bagi Tahun 2018 di Kawasan Lapang Bangunan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

## Program Pertukaran Belia tingkatkan persefahaman



PEMANGKU Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat (tengah) hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat jalan kepada 10 ahli delegasi negara bertolak ke Republik Korea bagi menyertai Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea.

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun. - Seramai 10 ahli delegasi negara bertolak ke Republik Korea bagi menyertai Program Pertukaran Belia Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea selama sembilan hari bermula hari ini.

Perwakilan belia yang menyertai program tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, mahasiswa dan mahasiswi serta graduan daripada Institusi Pengajian Tinggi, usahawan sosial dan Alumni Program Belia Cinta Tanah Air yang diketuai oleh Dayang Norulhoda binti Muhammad Iskandar selaku Ketua Rombongan.

Hadir di ruang legar Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat jalan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Sepanjang program yang

bertemakan 'Youth Entrepreneurship' merangkumi perbincangan dengan belia Korea mengenai keusahawanan, di samping kunjungan hormat kepada Ministry of Gender Equality and Family, *homestay* bersama keluarga angkat, lawatan-lawatan pendidikan dan tempat-tempat menarik, pendedahan terhadap adat serta sejarah Republik Korea dan sebagainya.

Program berkenaan ditandatangani di bawah Perjanjian Persefahaman di antara kedua-dua buah negara pada tahun 2010, yang antara lain bertujuan bagi membantu dan mengukuhkan kerjasama di antara kedua-dua negara.

Menerusi usaha ini, kedua belah pihak percaya belia-belie akan memperoleh faedah daripadanya seperti persefahaman kebudayaan, ekonomi sosial dan politik.



# MINDA

## PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Pengibaran Bendera Zahirkan Taat Setia Kepada Raja'. Tarikh Tutup : 4 Julai 2018
2. 'Pertanian Sayuran Organik Penting Bagi Masa Depan'. Tarikh Tutup : 11 Julai 2018
3. 'Tingkat Kewaspadaan Semasa Berada Di Jalan Raya'. Tarikh Tutup : 18 Julai 2018

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)


Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Menangi

# BND75

Setiap Minggu



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI  
[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 38(B)**  
 BILANGAN IKLAN 59/2018 (SPA/BIKL)  
 Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/ jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.


**TARIKH IKLAN: 30 JUN 2018**  
**TARIKH TUTUP: 28 JULAI 2018**

**1. GURU UGAMA TERLATIH TINGKAT KHAS G.5**  
 BAHAGIAN III  
 JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
 KEKOSONGAN = LAPAN (08)

Search Result

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**  
 Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**HELPLINE:**  
**TALIAN DARUSSALAM 123**



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

(1)  
**TAWARAN NO. :**  
 JPPK / LTN / 28 / 2018  
**SLOPE PROTECTION TO ADVANCE  
 OBSTACLE COURSE ROAD ACCESS  
 AT DEFENCE ACADEMY  
 KAMPUNG TANAH JAMBU**

**BAYARAN TAWARAN :**  
 BND50.00 (tidak dikembalikan)

**KELAS III ATAU KE ATAS  
 KATEGORI KA 01 ATAU B 01**

**TEMPOH PENYIAPAN :**  
 TIGA (3) BULAN

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL  
 DOKUMEN TAWARAN :**  
 29 JUN 2018  
 (TIDAK LEWAT JAM 10.30 PAGI)


**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
 3 JULAI 2018  
 (TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**


**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN  
 ANTARABANGSA  
 KEMENTERIAN HAL EHWAL  
 LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JAWATAN KOSONG  
 DI KOMANWEL SEKRETARIAT, LONDON**

**Jawatan kosong :**  
 Adviser, HR Projects, Policy and Development

**Tarikh tutup : 11 Julai 2018**

UNTUK makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut boleh didapati melalui laman sesawang :  
<http://thecommonwealth.org/jobs> takan sama.



**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PEMBERITAHUAN  
 SEBUT HARGA  
 KEMENTERIAN KEWANGAN  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Bilangan Sebut Harga :**  
 MOF / ADM / UPAH /  
 URINAL / 01 / 2018

**Tajuk Sebut Harga :**  
 KERJA-KERJA  
 PENGUBAHSUAIAN INJAP  
 PAM TANDAS URINAL  
 LELAKI MENGGUNAKAN  
 'PUSH BUTTON' DI BANGUNAN  
 KEMENTERIAN KEWANGAN

**Syarat-syarat sebut harga :**

- SEBUT HARGA-SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam kategori KA 01, berpengalaman khusus dalam kerja-kerja Kejuruteraan AM dan B 01, kerja-kerja bangunan.
- Dokumen-dokumen sebut harga serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Pengurusan Asset dan HSE, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Tingkat 15 Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.
- Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama sebut harga tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Peti Sebut Harga  
 Kementerian Kewangan  
 Tingkat 15  
 Bangunan Kementerian Kewangan  
 Commonwealth Drive  
 Bandar Seri Begawan, BB3910  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

- Sebut Harga hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Sabtu, 14 Julai 2018. Semua sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima sebut harga yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- Salinan sijil pendaftaran perniagaan, senarai kerja-kerja yang telah dilaksanakan sebelumnya dan senarai projek yang sedang dijalankan hendaklah juga diser'.



## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

### Tajuk Tawaran :

1) UNISSA / SB0013 / 2018 / 2019  
MEMBEKAL DAN MENCETAK  
BUKU-BUKU TERBITAN  
UNISSA PRESS BAGI  
TAHUN 2018 (KOD II)

2) UNISSA / SB0014 / 2018 / 2019  
CHECKING, GENERAL  
SERVICING, REPAIR AND UP  
GAS VARIES TYPE OF  
AIR-CONDITIONING UNIT  
AT UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI (UNISSA)  
FOR ONE (1) YEAR

3) UNISSA / SB0015 / 2018 / 2019  
KERJA PEMELIHARAAN  
MEMOTONG RUMPUT  
DI UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI SELAMA  
SATU (1) TAHUN

4) UNISSA / SB0016 / 2018 / 2019  
MEMBEKAL PERKHIDMATAN  
MEMBUANG SAMPAH BAGI  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI SELAMA  
SATU (1) TAHUN.

5) UNISSA / SB0017 / 2018 / 2019  
ONE (1) YEAR TERM CONTRACT  
FOR ELECTRICAL MAINTENANCE  
WORKS AT UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperolehi :

**BAHAGIAN KEWANGAN  
TINGKAT 1  
BANGUNAN PENTADBIRAN  
DAN KEWANGAN  
SIMPANG 347  
JALAN PASAR BAHARU  
GADONG, BE1310  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Nota :** Dokumen tawaran akan mengandungi borang sebut harga, spesifikasi dan / atau syarat-syarat tawaran juga borang pengakuan integriti penender.

3. Pada waktu-waktu (termasuk menerima yuran tawaran) seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis  
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Segala kehendak dalam borang sebut harga mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

6. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI SEBUT HARGA  
UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI  
SIMPANG 347  
JALAN PASAR BAHARU  
GADONG, BE1310  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM.**

7. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup iklan ini, tanpa menunjukkan sebarang identiti, nama atau logo syarikat / pembekal.

8. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Rabu, 11 Julai 2018, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

9. Sijil pendaftaran syarikat / Nama-nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

10. Sijil Pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.



## PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :  
EGNC / PM / 4.1 / 4.2018**

**Government Data Centre  
and Cloud Infrastructure,  
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),  
Jabatan Perdana Menteri**

### Syarat-Syarat Tawaran :

1. SYARIKAT atau perusahaan yang berminat untuk ikut serta di dalam tawaran ini mestilah Syarikat ICT yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya empat (4) tahun di dalam pengendalian dan Pengurusan projek Cloud Computing adalah menjadi satu kelebihan.

2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai tawaran ini adalah dimestikan terlebih dahulu untuk membuat pendaftaran dan menyediakan keterangan perniagaan di dalam Business Reporting (BP) Portal. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran ini bolehlah dibuat [www.business.gov.bn](http://www.business.gov.bn).

3. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran Highly Specialised di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang [www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx](http://www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx)

4. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah BND2,000.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah BND5.00 dari :

**SEKSYEN KEWANGAN  
DIVISIYEN PENGURUSAN KEWANGAN  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
SIMPANG 69-18, JALAN E-KERAJAAN  
GADONG, BE1110  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap **Isnin hingga Khamis** dari **jam 8.00 Pagi hingga jam 11.00 Pagi sahaja**.

5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri.

Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN :  
EGNC / PM / 4.1 / 4.2018  
"Government Data Centre and  
Cloud Infrastructure,  
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC),  
Jabatan Perdana Menteri"**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JALAN MENTERI BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, Selasa, 24 Julai 2018**.

6. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan sijil pendaftaran syarikat yang terkini.

7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

9. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada **Sabtu, 30 Jun 2018** bertempat di **Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan, Gadong, BE1110** pada **jam 9.30 Pagi**.

10. Syarikat yang berminat untuk menghadiri sesi penerangan berkenaan hendaklah menghadapkan tiga (3) orang nama wakil kepada Jabatan ini melalui e-mel : [cm@egc.gov.bn](mailto:cm@egc.gov.bn) atau melalui faksimile : +673 2424940.

11. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi Jabatan ini melalui talian telefon : +673 2424955 sambungan 134 atau e-mel : [cm@egc.gov.bn](mailto:cm@egc.gov.bn).



## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG YANG  
BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS : IV dan V SAHAJA  
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
13 JUN 2018 (RABU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
3 JULAI 2018 (SELASA)  
JAM 3.30 PETANG**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :  
10 JULAI 2018 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :  
JKR / DOR / SRC 19 / 2018**

**NAMA PROJEK :  
KERJA-KERJA MENAIKKAN TARAF**

**SISTEM SALIRAN  
DI PERSIMPANGAN JALAN  
GADONG - TELANAI, KG. BERIBI**

**YURAN TAWARAN : BND1,00.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**E - DOKUMEN : TIDAK ADA**

**Syarat-Syarat Tawaran :**  
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



## JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN  
JAWATAN KOSONG SEBAGAI  
PENGHULU MUKIM  
DAERAH TEMBURONG**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI  
PENGHULU MUKIM TINGKAT I  
PMKK.6 (BND5,400)**

atau

**PENGHULU MUKIM TINGKAT II  
PMKK.5 (BND4,750)**

atau

**PENGHULU MUKIM TINGKAT III  
PMKK.4 (BND3,880 - BND4,240)**

bagi

**PENGHULU MUKIM AMO**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong dengan sukacitanya


mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Mukim Amo untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim Amo.

### TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh diperolehi dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran  
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung  
Jabatan Daerah Temburong  
Daerah Temburong  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikkan borang pencalonan adalah pada **Selasa, 18 Zulkaedah 1439** bersamaan **31 Julai 2018, jam 4.00 Petang**.



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**

**NOTIS SEBUT HARGA**

(1)  
**TENDER NO :  
RTB / K / 18 / 18 - 19  
TO REPAIR AND REPAINT RTB  
MITSUBISHI PAJERO BG3786**

**Bayaran Tawaran :  
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :  
Rabu, 4 Julai 2018, jam 2.00 Petang.**

(2)  
**TENDER NO :  
RTB / K / 19 / 18 - 19  
CLEANING OF RADIO TELEVISION**

**BRUNEI TUTONG STUDIO  
FOR PERIOD OF 2 YEARS**

**Bayaran Tawaran :  
BND10.00 (tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :  
Rabu, 4 Julai 2018, jam 2.00 Petang.**

1. SEBUT HARGA ini adalah dipelawa kepada semua pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperoleh dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu

pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

**Kepada :  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Radio Televisyen Brunei  
Jalan Stoney  
Bandar Seri Begawan, BB8610  
Negara Brunei Darussalam.**

**Rujukan :  
(\*Tender No. bagi tawaran seperti yang dinyatakan di atas)**

**Tarikh Tutup :  
4 Julai 2018**

Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke *sebutharga.rtb@rtb.gov.bn* tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. Sebut Harga-sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan serta tidak mematuhi perkara 3 dan 4 seperti di atas, tidak akan dilayan.

6. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (*Payee : Government of Brunei*).

Para penender yang berhajat mengikuti tawaran diatas adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



**HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN**

DENGAN hormat sukacita memaklumkan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha akan mengadakan **JUALAN SECARA TAWARAN AWAM KEPADA ORANG RAMAI** bagi :

[1] 46 UNIT PERABOT PEJABAT DAN HOSPITAL DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN PENTADBIRAN

[2] 1 UNIT MEJA PEJABAT DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KESELAMATAN, PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

**TELAH ROSAK KEPUNYAAN HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA** yang telah mendapat kebenaran penghapusan dari kira-kira daripada Jawatan Kuasa Penasihat Penghapusan Dari Kira-Kira mengikut Peraturan-Peraturan Kewangan 1983 bil. 305.

Untuk maklumat borang-borang tawaran boleh diperoleh di **Unit Penghapusan Dari Kira-Kira, Bahagian Kewangan, Tingkat 4, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.** Waktu Pejabat jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 4.00 Petang. Bagi pertanyaan mengenai tawaran jualan lelong tersebut, bolehlah menghubungi **Unit Penghapusan di talian telefon +673 2242424** sambungan 7456.

Sehubungan ini, borang-borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah dihantar kepada :

**PETI TAWARAN TERTUTUP  
Unit Penghapusan dari Kira-kira  
Bahagian Penghapusan  
Tingkat 4, Pusat Perempuan dan  
Kanak-Kanak  
Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha  
Negara Brunei Darussalam.**

**Syarat-syarat yang terkandung dalam borang berikut adalah :**

- Peralatan yang ditawarkan adalah berasaskan sebagaimana keadaan semasa ditawarkan.
- Borang tawaran yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan memasukkan ke dalam peti tawaran yang telah disediakan dengan membunuh tajuk.

[1] 46 UNIT PERABOT PEJABAT DAN HOSPITAL DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN PENTADBIRAN

[2] 1 UNIT MEJA PEJABAT DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KESELAMATAN, PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

**BIL. : KKW / ADM / KEM / 10  
BERTARIKH 14 MEI 2018**

3. Membayar secara wang tunai sahaja dalam masa (3) tiga hari (tidak termasuk Hari Kelepasan Awam) apabila pembeli / pengusaha / syarikat dimaklumkan berjaya bagi tender lelong secara tertutup. Pihak pembeli / pengusaha / syarikat dikehendaki membuat pembayaran ke **Unit Kutipan Hasil, Bahagian Kewangan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan serta membawa surat maklumkan berjaya bagi tender lelong secara tertutup.**

4. Pembeli / pengusaha / syarikat yang membuat tawaran harga yang paling tertinggi akan dikira berjaya.

5. Pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya mestilah menyediakan kelengkapan pengangkutan pekerja-pekerja dari menggelakkan jangkitan kuman atau bahaya dan sebagainya.

6. Pembeli / pengusaha / syarikat yang gagal untuk membuat pembayaran secara tunai dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Hospital R.I.P.A.S seperti lazimnya akan memberi peluang kepada pihak kedua dan akan dikira berjaya dalam tender tersebut atau tertakluk kepada peraturan dari pihak Kementerian Kewangan.


7. Pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya hendaklah memunggah barang-barang tersebut dalam tempoh satu (1) minggu setelah pembeli / pengusaha / syarikat dimaklumkan berjaya.

8. Pihak Hospital R.I.P.A.S. akan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut peraturan yang berjalan pada masa ini kepada pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya tetapi gagal membuat pembayaran dan pemunggaan barang-barang dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan (*black listed*).

9. Sebarang tuntutan atau aduan kehilangan dan kerosakan dalam masa tempoh yang ditetapkan bagi pemunggaan barang-barang tersebut pihak hospital tidak akan bertanggungjawab.

10. Sebarang maklumat berjaya atau tidak berjaya akan dimaklumkan melalui maklum balas selepas sahaja penilaian dibuat dan keputusan penilaian adalah muktamad.

11. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Rabu, 11 Julai 2018** bersamaan **27 Syawal 1439, jam 4.00 Petang.**



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Syarat-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

- TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.
- Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh Kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwat Ugama, Jalan Kata Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**
- Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Kotak Sebut harga, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Kementerian Hal Ehwat Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

**(2)  
BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP/ 164 / 100 / 2018**

**TAJUK :  
REPAIR WORKS TO BALAI IBADAT  
KAMPUNG SUKANG, ULU BELAIT  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
- 2ND REQUOTATION**

**TARIKH TUTUP :  
RABU, 4 JULAI 2018,  
2.00 PETANG**

**YURAN :  
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)**

**KELAS I & II DALAM  
KATEGORI B01 SAHAJA**

**(3)  
BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP/ 164 / 101 / 2018**

**TAJUK :  
REPAIR AND CONSTRUCTION OF  
NEW STORE AT MASJID PERDANA  
WANGSA HAJI MOHAMMAD  
KAMPUNG SETIA,**

**(4)  
BIL. TAWARAN :  
KHEU / BDP/ 164 / 102 / 2018**

**TAJUK :  
SITE CLEARING OF FALLEN TREES  
AT KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA BUILDING COMPOUND**

**TARIKH TUTUP :  
RABU, 4 JULAI 2018,  
2.00 PETANG**

**YURAN :  
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)**

**KELAS I DALAM  
KATEGORI S02 & S03 SAHAJA**


**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :**  
EGNC / PM / 4.1 / 3.2018  
**'Penukaran Internet Service Provider (ISP) bagi Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri'**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. SYARIKAT atau perusahaan yang berminat untuk ikut serta di dalam tawaran ini mestilah berpengalaman dalam menyediakan perkhidmatan internet.

2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai tawaran ini adalah dimestikan terlebih dahulu untuk membuat pendaftaran dan menyediakan keterangan perniagaan di dalam Business Reporting (BP) Portal. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran ini bolehlah dibuat [www.business.gov.bn](http://www.business.gov.bn).

3. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran Highly Specialised di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang [www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx](http://www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx)

4. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah BND100.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah BND5.00 dari :

**SEKSYEN KEWANGAN  
DIVISIYEN PENGURUSAN  
KEWANGAN  
PUSAT KEBANGSAAN  
E-KERAJAAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI  
SIMPANG 69-18  
JALAN E-KERAJAAN  
GADONG, BE1110  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap **Isnin** hingga **Khamis** dari **jam 8.00 Pagi** hingga **jam 11.00 Pagi** sahaja.

5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri.

Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN :**  
EGNC / PM / 4.1 / 3.2018  
**'Penukaran Internet Service Provider (ISP) bagi Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri'**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JALAN MENTERI BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, Selasa, 24 Julai 2018.**

6. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan sijil pendaftaran syarikat yang terkini.

7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

9. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada **Khamis, 5 Julai 2018** bertempat di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan, Gadong, BE1110 pada **jam 9.30 Pagi**.

10. Syarikat yang berminat untuk menghadiri sesi penerangan berkenaan hendaklah menghadapkan tiga (3) orang nama wakil ke jabatan ini melalui e-mel : [cm@egc.gov.bn](mailto:cm@egc.gov.bn) atau melalui faksimile : +673 2424940.

11. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi Jabatan ini melalui talian telefon : +673 2424955 sambungan 134 atau e-mel : [cm@egc.gov.bn](mailto:cm@egc.gov.bn).


**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**REROOFING WORKS TO CLASS 'E' FLAT, JKR 655, PJN PENGIRAN HAJI ABU BAKAR SECONDARY SCHOOL, BELAIT DISTRICT**

**BILANGAN TAWARAN :**  
MOE / LTK / 16 / 2018 / 2019  
(JPPE - JUN - 2018)

**KETERANGAN :**  
**REROOFING WORKS TO CLASS 'E' FLAT, JKR 655, PENGIRAN JAYA NEGARA PENGIRAN HAJI ABU BAKAR SECONDARY SCHOOL, BELAIT DISTRICT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KELAS : II DAN III SAHAJA KATEGORI : B01 SAHAJA**

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN :**  
BND10.00

[Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**  
**17 JULAI 2018**

[Tidak lewat jam 2.00 Petang]

**TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL / MEMBELI DOKUMEN TAWARAN :**  
**11 JULAI 2018 [RABU]**

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN**

**Isnin** hingga **Khamis**  
**8.00 Pagi** hingga **11.45 Pagi**  
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**  
**Sabtu**  
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

**SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Sebelum mengambil borang, setiap Penender hendaklah membayar yuran tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran dan dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit

pembayaran yuran tawaran yang diterima adalah betul.

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN WANG BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN**

**Isnin** hingga **Khamis**  
**8.00 Pagi** hingga **11.45 Pagi**  
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**  
**Sabtu**  
**8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

3. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam** dengan menyertakan resit pembayaran.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran, tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
BLOK 'A' TINGKAT 1  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
KEWANGAN DAN PERBEKALAN  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS  
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN KECIL, yang terletak di KAUNTER PENYAMBUT TETAMU, PINTU UTAMA LANTAI BAWAH DI ANTARA BLOK 'B' DAN BLOK 'C' KEMENTERIAN PENDIDIKAN, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, BB 3510.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.


**KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa bagi **'MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN KANTIN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'**

2. Borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang tertutup rapat dengan tidak mempamerkan identiti atau logo restoran / syarikat / pemborong dan hanya tertulis :

**SEBUT HARGA BAGI  
MENGENDALIKAN  
PERKHIDMATAN KANTIN  
KEMENTERIAN  
PERHUBUNGAN  
JALAN MENTERI BESAR  
BANDAR SERI BEGAWAN  
BB3910  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

Rujukan Sebut Harga :  
**KP (MC) SUT / 6.12**

Tarikh Tutup: **Rabu, 11 Julai 2018**

Dan dihantar kepada :

**Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Kementerian Perhubungan  
Tingkat Bawah  
Peti Sebut Harga  
Jalan Menteri Besar  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Negara Brunei Darussalam.**

3. Sebut Harga-sebut harga hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Perhubungan** tidak lewat **jam 2.00 Petang, Rabu, 11 Julai 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Borang sebut harga mestilah disertakan bersama salinan sijil perniagaan dan salinan asal resit

pembayaran yuran borang sebut harga dan hendaklah dihantar dengan lengkap dengan menyatakan Tajuk Tawaran, Rujukan Sebut Harga dan Tarikh Tutup Sebut Harga tanpa menyatakan identiti atau logo syarikat.

5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi di **Unit Kewangan, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja dan waktu-waktu yang dinyatakan di bawah dengan bayaran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**.

**Waktu Menerima Bayaran**

**Isnin** hingga **Khamis**  
**8.30 Pagi** hingga **11.00 Pagi**  
**1.45 Petang** hingga **3.00 Petang**  
**Sabtu**  
**8.30 Pagi** hingga **10.30 Pagi**

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.


**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN secara sebut harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
**01 / 2018 / 2019**

**KETERANGAN :**  
**SLIDEAWAY LCD  
KVM SWITCH  
KUANTITI :**  
**1 UNIT**

Dokumen sebut harga boleh diperolehi di **Tingkat 1, Bahagian Maklumat Perancangan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

Sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang berasingan mengikut bilangan sebut harga yang disertai. Sampul surat berkenaan hendaklah tertutup dengan tidak menunjukkan

sebarang tanda syarikat dan bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebut harga dan tajuk kerja-kerja yang disertai.

Sebut harga hendaklah dihadapkan tidak lewat dari **jam 2.00 Petang, Khamis, 12 Julai 2018** ke alamat berikut :

**Pengerusi Jawatankuasa  
Sebut Harga  
Tingkat 2, Jabatan Perancang  
Bandar dan Desa  
Lapangan Terbang Lama  
Berakas, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.**

Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



# دولت کبار وک دوی تقاب قاتیق

*Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-72*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

## Kibarkanlah Bendera Kebangsaan Dan Bendera Peribadi

BERMULA 17 SYAWAL 1439H HINGGA 18 ZULKAEDAH 1439H  
BERSAMAAN  
1 JULAI 2018M HINGGA 31 JULAI 2018M



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept\_bn



Layari ePaper  
Pelita Brunei

# Politeknik Brunei raikan Aidilfitri

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 Jun. - Lebih 30 pelajar Pusat Bahagia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan diraikan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di One Stop Centre, Politeknik Brunei bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan Hari Raya tahun ini.

Pelajar terdiri daripada Orang-orang Kelainan Upaya (OKU) dan beberapa atlet Paralimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diketuai oleh Pegawai Pendidikan Ugama Politeknik Brunei, Awangku Haji Jamaludin bin Pengiran Haji Zainal.

Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai kemudian menyerahkan sumbangan berupa barangan keperluan asas harian kepada wakil Pusat Bahagia.

Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan warga politeknik yang dikendalikan di bawah Program Community Social Responsibility Politeknik yang diadakan setiap

tahun.

Majlis juga diserikan dengan persembahan pancaragam khas daripada Pusat Bahagia, UNIQ Band.

Turut hadir, Penolong Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar, pegawai-pegawai, ibu bapa serta penjaga pelajar Pusat Bahagia, pendaftar, ketua-ketua jabatan dan sekolah serta para pegawai juga pelajar politeknik.

**PENGAHAR** Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai (kanan) menyerahkan sumbangan berupa barangan keperluan asas harian kepada wakil Pusat Bahagia.



MAJLIS diserikan dengan persembahan pancaragam khas daripada Pusat Bahagia, UNIQ Band (kiri), sementara gambar kanan, antara warga Pusat Bahagia yang hadir pada majlis tersebut.

# Pelbagai jenis rokok, minuman keras disita



ANGGOTA Balai Polis Muara bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) mengendalikan Operasi Sepadu di kawasan Pulau Muara Besar dalam membanteras dan membendung jenayah pada masa ini demi menjaga keselamatan dan keharmonian negara (kiri, kanan dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**MUARA,** Khamis, 28 Jun. - Anggota Balai Polis Muara bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah mengendalikan Operasi Sepadu di kawasan Pulau Muara Besar.

Operasi tersebut diketuai oleh Pemangku Pegawai Menguasa Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan, Penolong Penguasa Polis, Awang Mohd. 'Izzuddin Hanis bin Haji Mohd. Salleh dan disertai oleh seramai 41 anggota yang melibatkan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama JKED.

Turut hadir menyertai operasi, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Othman @ Osman selaku Pemangku Ketua Kampung

Serasa, dan seorang ahli Pengawasan Kejiranan.

Hasil dari operasi tersebut mendapati lapan lelaki warganegara China memiliki barang-barang tegahan seperti pelbagai jenis rokok dan minuman keras.

Kesemua suspek telah dikeluarkan notis penyitaan kerana memiliki 10 katon x 88 paket x 225 batang Premium International, dua katon x 14 paket x 40 batang Era Silver; 31 paket x 59 batang George Karellias and Sons dan tiga Carlsberg Beer @ 320 ml dan diarahkan untuk hadir ke Unit Siasatan dan Pendakwaan (USP) untuk siasatan lanjut.

Manakala, dua lelaki warganegara China juga telah ditahan dan dibawa terus ke

Pejabat Anggerek kerana disyaki memiliki barang-barang tegahan seperti 24 tin minuman bir yang dikeluarkan notis penyitaan atas nama Liu Xi Xi, tiga katon x 10 paket x 20 batang George Karellias and Sons, 14 botol Whisky dan tiga botol Liquor yang dikeluarkan notis penyitaan atas nama Qv Xiu Mang.

Operasi ini adalah usaha berterusan Balai Polis Muara bersama JKED dalam membanteras dan membendung jenayah pada masa ini demi menjaga keselamatan dan keharmonian negara.

Sokongan berterusan yang melibatkan agensi lain untuk membantu usaha sedemikian adalah untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim dengan masyarakat serta demi keamanan, kesejahteraan dan kesejahteraan masyarakat setempat.





## Apa Pendapat Biskita?

### Puasa Enam di bulan Syawal

**R**AMAI dalam kalangan kita yang sudah tahu tentang kelebihan puasa enam Syawal, namun hanya segelintir kita yang mahu mengambil kelebihan daripada puasa enam yang menjanjikan pahala yang banyak daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Seperti yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub al-Ansari ada satu hadis daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam menerangkan tentang kelebihan puasa enam Syawal yang antara lain maksudnya "Sesiapa yang berpuasa Ramadan, kemudian diikutinya puasa enam hari Syawal samalah seperti dia berpuasa sepanjang tahun."

Sementara itu, Al-Hafiz Ibnu Rajab menyatakan, puasa enam hari Syawal akan melengkapkan kekurangan dan kecacatan yang terdapat ketika mana seseorang itu melaksanakan ibadah puasa Ramadan.

Beliau mengkiaskan dengan kelebihan Solat Sunat Rawatib sebelum mahupun selepas solat fardu yang menampung kekurangan terdapat padanya.

Dengan berpuasa enam kita akan terlatih untuk meneruskan puasa sunat yang lain, setelah menyambut Aidilfitri dengan adanya puasa sunat enam hari Syawal sekurang-kurangnya memberikannya peringatan dan motivasi untuk terus berpuasa, tidak semata-mata menunggu kedatangan Ramadan akan datang.

Pengetahuan tentang kelebihan puasa enam hanyalah sebagai perangsang untuk kita beribadah kepada Allah. Perlu diingat bahawa segala amalan yang kita hendak lakukan mestilah kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, puasa enam juga melatih manusia supaya tidak melupakan puasa-puasa sunat yang lain.

Antara kelebihan lain ialah ia dapat menyediakan sistem pencernaan yang lebih sempurna buat diri kita.

Puasa sunat enam itu boleh dilakukan pada mana-mana hari, di sepanjang bulan Syawal sama ada secara berterusan atau berselang-seli tetapi paling afdal ialah puasa enam hari berturut-turut mulai Aidilfitri kedua (2 Syawal) hingga 7 Syawal dan berpuasa secara berselang-seli, iaitu puasa sama ada selang sehari, dua atau tiga hari sekali, sebanyak enam hari dalam bulan Syawal, mengikut kemampuan masing-masing.

Ruang Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai 'Puasa Enam di Bulan Syawal'.

"Kesempurnaan ibadat seseorang Islam bukan sekadar terletak pada amalan-amalan fardu yang diwajibkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi apa yang lebih ialah mengerjakan yang sunat bagi menampal yang fardu.

Antaranya ialah dengan mengamalkan puasa enam di bulan Syawal yang boleh kita tunai sekali gus atau berincit-incit atau dengan cara yang lain asal masanya masih di dalam bulan Syawal.

Puasa wajib Ramadan jika ditambah dengan puasa sunat seperti puasa enam adalah terlebih indah dan baik daripada hanya bergantung kepada puasa Ramadan kerana jika kita berpuasa enam pahalanya seperti kita berpuasa setahun.

Terdapat banyak jenis puasa-puasa sunat yang boleh dilaksanakan seperti berpuasa sunat hari Isnin dan Khamis, puasa enam hari di bulan Syawal dan sebagainya." - **Mf, Serasa.**

"Islam menganjurkan umatnya supaya melakukan kebaikan dan kebajikan secara berterusan, walaupun sedikit. Antaranya berpuasa enam di bulan Syawal setelah puasa bulan Ramadan, dengan berpuasa enam kita akan dapat pahala seolah-olah kita berpuasa sepanjang tahun.

Ibadah puasa adalah suatu amalan mulia yang besar keutamaannya dan amat digalakkan oleh Islam. Abu Hurairah Radhiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda yang Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya, "Setiap amal manusia adalah untuk dirinya kecuali puasa, ia adalah untuk-Ku dan Daku memberi ganjaran dengan (amalan puasa itu)."

Di dalam hadis ini Nabi Muhammad menyatakan bahawa puasa enam hari selepas bulan Ramadan akan diberi ganjaran pahala seolah-olah berpuasa selama setahun.

Hal tersebut disebabkan puasa sunat satu hari, pahalanya bersamaan dengan sepuluh hari. Manakala puasa Ramadan pahalanya bersamaan dengan sepuluh bulan, maka enam hari puasa sunat bersamaan dengan dua bulan, kemudian dicampurkan dengan 10 bulan jumlahnya menjadi setahun." - **Fth, Rimba.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

i. Sambutan Aidilfitri Jabatan Kerajaan.  
ii. Kibarkan Bendera Kebangsaan.

# SM RIPAS Tutong terima lawatan pelajar Hong Kong



PENGETUA Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Kumpoh (dua, kiri) memberikan cenderamata dan mengalu-alukan rombongan guru-guru dan pelajar Lok Sin Tong Leung Chik Wai Memorial School of Hong Kong.

#### Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

**TUTONG**, Khamis, 28 Jun. - Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS) menerima lawatan dari guru-guru dan pelajar Lok Sin Tong Leung Chik Wai Memorial School of Hong Kong,

di sini.

Matlamat lawatan adalah bagi memberi peluang kepada pelajar untuk belajar dan memahami kedua-dua budaya.

Lawatan bermula dengan sesi begambar ramai dan seterusnya

sesi pertukaran maklumat, di mana kedua-dua belah pihak dapat mempelajari lebih lanjut mengenai sekolah masing-masing.

Pelajar dan guru-guru mendengar dengan teliti penerangan ringkas dari Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Kumpoh; Penyelenggara acara, Gerard Drew dan juga Naib Pengetua Sekolah Long Sin Tong, Lok Wing Yi.

Selepas sesi soal-jawab, pelajar terpilih SM RIPAS mengambil peluang menunjukkan kumpulan pelawat dengan aktiviti pembelajaran kelas-kelas Tahun 7 hingga 11.

Di sini, rombongan pelawat dapat menyaksikan hasil kerja sekolah yang disediakan selain mencuba beberapa makanan tempatan.

Lawatan diteruskan dengan persembahan dan sambutan Hari Raya di Dewan SM RIPAS, di mana pelajar dari kedua-dua sekolah menyediakan persembahan dramatik pendek dan lagu-lagu hari raya.

Gerard Drew menyatakan, lawatan ini memberi peluang yang baik kepada pelajar-pelajar di SM RIPAS untuk mengamalkan bahasa Inggeris mereka dan mengambil bahagian dalam pertukaran budaya dan pendidikan antarabangsa dengan rakan-rakan sepekerjaan antarabangsa mereka.

Ujarnya, ini adalah satu pengalaman yang menarik dan memuaskan untuk semua pelajar dan guru yang terlibat.

## PPDB tumpaskan kegiatan tidak bermoral

#### Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu 27 Jun. - Kegiatan yang tidak bermoral terbongkar dalam satu Operasi Serbuan yang dijalankan oleh Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Dalam serbuan yang pertama, seorang wanita warganegara Viet Nam, bernama Nguyen Thi Duy, berumur 33 tahun berjaya ditahan kerana dipercayai menjalankan kegiatan yang tidak bermoral dengan menawarkan khidmat seks kepada pelanggan dengan sejumlah bayaran. Suspek berkenaan menjalankan kegiatan tersebut di salah sebuah bilik penginapan Resthouse di kawasan Gadong.

Serbuan kedua dijalankan di sebuah hotel kawasan Bandar Seri Begawan dan berhasil menahan seorang wanita warganegara Viet Nam, bernama Nguyen Thi Minh Hiep, berumur 34 tahun juga dipercayai terlibat menawarkan khidmat seks.

Turut ditemui oleh pihak Polis semasa pemeriksaan tersebut, beberapa bahan bukti seperti sejumlah wang tunai daripada bayaran-bayaran pelanggan serta kotak kondom di bilik berkenaan.

Hasil daripada maklumat yang diperolehi, PPDB dapat menahan seorang lelaki warganegara Viet Nam, bernama Dang Van Hoa, berumur 32 tahun yang dipercayai sebagai 'bapa ayam'.

Setelah pemeriksaan dijalankan didapati bahawa beliau sendiri yang berhubung menggunakan telefon bimbit dengan 'umpan' melalui aplikasi media sosial Wechat dan menyatakan harga servis perkhidmatan seks serta

tempat bagi melakukan kegiatan tidak bermoral tersebut.

Ketiga-tiga suspek dan semua barang bukti dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah untuk siasatan lanjut. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 294A Kesalahan Menawarkan Khidmat Seks, Kanun Hukuman jenayah Penggal 22.

PPDB ingin menegaskan bahawa pihak berkenaan tidak akan bertolak ansur dalam membasmi kegiatan berunsur maksiat dan jika didapati terlibat, maka tindakan tegas akan

dijalankan ke atas sesiapa sahaja yang menawarkan khidmat tersebut juga pelanggan berkenaan.

Dalam pada itu, PPDB juga menyarankan kepada masyarakat awam agar tidak terjerumus dengan sebarang kegiatan yang tidak bermoral ini kerana negara ini tidak pernah sekali-kali membenarkan unsur-unsur negatif sedemikian yang bertujuan untuk merosakkan sendi-sendi keharmonian masyarakat ini untuk bertapak di Negara Brunei Darussalam.



BAHAN bukti yang diperolehi pada Operasi Serbuan yang dijalankan oleh Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

# PSW raikan Hari Raya, eratkan silaturahmi



PERSATUAN Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) mengadakan Majlis Silaturahmi Aidilfitri, bertempat di kediaman Yang Dipertua persatuan berkenaan, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaluddin (enam, kiri) di Kampung Mata-Mata (kiri). Sementara gambar kanan, para ahli PSW dan tetamu dihidangkan dengan pelbagai pilihan juadah.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 29 Jun. - Bagi mengukuhkan hubungan silaturahmi dan mengamalkan budaya bermaafan dalam kalangan ahli-ahlinya, Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

(PSW) mengadakan Majlis Silaturahmi Aidilfitri, bertempat di kediaman Yang Dipertua persatuan berkenaan, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaluddin di Kampung Mata-Mata.

Majlis tersebut dihadiri oleh Ahli-ahli PSW dan para tetamu yang hadir dihidangkan dengan jamuan makanan juga minuman dengan pelbagai pilihan juadah.

Dalam pada itu, Yang Dipertua PSW ketika ditemui Pelita Brunei turut mengongsikan sedikit sebanyak informasi mengenai acara dan aktiviti yang bakal

diadakan dalam masa terdekat ini.

Menurut Pengiran Hajah Zabaidah, persatuan tersebut mempunyai kira-kira 100 ahli setakat ini dan majlis yang diadakan diharap dapat memberi peluang kepada para ahli untuk bertemu dan beramah mesra, sekali gus berkenalan dalam kalangan ahli lama dan baharu. "Persatuan ini sudahpun

berumur 28 tahun dan banyak acara yang telah diungkuhkan di sepanjang penubuhannya seperti persidangan, forum dan Kafe Ilmu yang diadakan pada bulan Mac lalu," jelasnya.

Perancangan dalam masa terdekat ini katanya, InsyaaAllah satu persidangan mengenai keluarga akan diadakan pada penghujung tahun ini.

## Kelas Tuisyen Program Wakaf Ilmu kini bermula

Berita dan Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**MENTIRI,** Jumaat, 29 Jun. - Seramai 21 pelajar dari keluarga kurang berkemampuan telah dikenalpasti berpeluang untuk mengikuti kelas bimbingan tuisyen Penilaian Sekolah Rendah sepanjang projek pilot Program Wakaf Ilmu yang dijalankan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Mentiri, di sini.

Program Wakaf Ilmu merupakan sebuah program yang memberikan khidmat kelas tuisyen secara percuma kepada golongan pelajar sasaran dan merupakan kerjasama pelbagai pihak, iaitu Majlis Perundingan Kampung Panchor Mengkubau dan para sukarelawan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia Bandar Seri Begawan, Jabatan Belia dan Sukan dan pengurusan

pula dikendalikan oleh Biro Pendidikan.

Menurut Ketua Biro Kemasyarakatan, MPK Kampung Mengkubau, Dayang Fatimah binti Haji Jamil selaku penyelaras program berkata program tersebut telah bermula dijalankan sebagai pilot projek bermula 1 Jun 2018 lalu setelah mendapat maklum balas positif dan sokongan daripada Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Program ini menggunakan sumbangan dan dana daripada orang awam sama ada berbentuk tenaga, matawang atau peralatan



**KETUA** Biro Kemasyarakatan, MPK Kampung Mengkubau, Dayang Fatimah binti Haji Jamil selaku penyelaras program.

dan diwakafkan untuk operasi program ini, di samping bertujuan sebagai usaha pendedahan kepada



**IBU** bapa dan penjaga yang hadir Dayang Normala binti Ramli semasa ditemui.

masyarakat bahawa aktiviti kesukarelawanan ini mampu dilakukan dalam pelbagai cara serta kaedah dan dapat mengajak orang awam untuk berpartisipasi secara langsung atau sebaliknya.

Tambah beliau lagi, program juga disertai oleh para pelajar Tahun 6 yang bakal menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada bulan Oktober 2018 depan. Sebagai pilot projek, program tersebut memberikan khidmat tuisyen mata pelajaran Matematik, yang mana prestasi para pelajar secara keseluruhan



**IBU** bapa dan penjaga yang hadir Dayang Norainah binti Ibrahim semasa ditemui.

lebih memerlukan tunjuk ajar dan pemerhatian dalam mata pelajaran berkenaan di bawah bimbingan dua orang guru belia sukarelawan KKBT di bawah seliaan Teachm guru.

Program juga turut mendapat sokongan daripada stakeholder berkepentingan iaitu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu, para ibu bapa dan penjaga Dayang Normala binti Ramli dan Dayang Norainah binti Ibrahim semasa ditemui menyahut baik inisiatif yang dijalankan tersebut demi untuk memastikan kejayaan anak masing-masing. Kelas tuisyen dilaksanakan dalam dua sesi, iaitu pada setiap hari jumaat bermula jam 3.00 petang bagi sesi pertama dan bermula jam 4.15 petang pada sesi kedua.



**SUASANA** pembelajaran di bawah bimbingan tenaga pengajar seliaan Teachm guru.

# Jana perekonomian penduduk kampung



SESAGUN Beras merupakan produk utama yang diusahakan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lorong 3 Selatan, Seria.

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim  
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lorong 3 Selatan, Seria

**S**ALAH satu objektif pelaksanaan projek Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) adalah untuk menggalakkan lebih banyak projek perekonomian yang relevan, unik dan berdaya maju dalam merealisasikan Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Dengan menjadikan AKC sebagai platform untuk memajukan bidang perekonomian yang berdaya maju dan *sustainable* dalam kalangan masyarakat kampung sudah setentunya memantapkan lagi sosioekonomi penduduk kampung berkenaan.

Bagi penduduk Kampung Lorong 3 Selatan, Seria, mereka telah menentang Sesagun Beras sebagai

produk utama yang diusahakan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lorong 3 Selatan, Seria yang dipertandingkan semasa AKC bermula dari 2011 hingga 2013. Projek pembuatan Sesagun ini bermula pada bulan Jun 2010 dan mula dilancarkan pada 23 November 2010. Mengimbas sejarah awal perusahaan tersebut, projek pembuatan Sesagun Beras diusahakan oleh seramai 29 Ahli MPK Lorong 3 Selatan, Seria dengan kerjasama penduduk kampung secara berkumpulan. Bagaimanapun, ketika ini hanya tujuh orang sahaja yang masih aktif mengusahakan produk berkenaan.

Setiausaha MPK Lorong 3 Selatan,

Awang Hassan bin Haji Masri menjelaskan, sejak dari awal penyertaan pertandingan AKC bermula dari 2011 hingga 2013, pihak AJK tidak ada memohon bantuan daripada mana-mana pihak dengan hanya menggunakan pusingan modal hasil daripada jualan produk Sesagun Beras. Oleh itu ujarnya, Ahli-ahli MPK seharusnya rasa berbangga dengan sifat *self reliance* mereka itu.

Mungkin ada sesetengah orang yang tidak tahu apakah Sesagun Beras? Sesagun Beras adalah makanan tambahan bagi buah-buahan terutama sekali pisang yang menjadikannya makanan yang terkenal bagi penduduk dalam kawasan Lorong 3 Selatan Seria. Tujuan utama MPK Lorong 3 Selatan Seria memilih Sesagun Beras sebagai Projek Perekonomian 1K1P ialah bagi hasrat untuk memperkenalkan makanan tersebut di Daerah Belait amnya dan



SESAGUN Beras adalah makanan tambahan bagi buah-buahan terutama sekali pisang yang menjadikannya makanan yang terkenal bagi penduduk dalam kawasan Lorong 3 Selatan Seria (kiri dan kanan).

## Kenali Negara Kitani

Negara Brunei Darussalam khasnya.

### Promosi

Mengenai promosi jualan, Awang Hassan menjelaskan, bahasa dari segi pemasaran memanglah begitu minimal kerana kebanyakan penduduk alaf baharu ketika ini tidak begitu mengetahui akan kewujudan Sesagun ini. Katanya lagi, berbagai-bagai cara telah dilakukan untuk mempromosikan jualan seperti melalui internet, menghantar ke kedai-kedai dan menyertai mega dan mini ekspo yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Sementara itu, kesepakatan yang dicapai bersama LA Nova juga memainkan peranan ke arah membantu meningkatkan jualan produk melalui jualan di ruang pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas.

### Pelbagaikan Produk

MPK Lorong 3 Selatan, Seria telah mempertingkatkan lagi penghasilan produk kampung mereka dengan menghasilkan acar-acaran, di mana produk di bawah 1K1P ini merupakan yang paling laris dalam pasaran. Dengan adanya produk kegemaran ramai ini diharap akan dapat memberi kepelbagaian dalam produk penghasilan Kampung Lorong 3 Selatan serta mempertingkatkan lagi tahap perekonomian dari segi pendapatan para penduduk kampung.

### Perancangan

Menyentuh tentang perancangan masa depan pula, Awang Hassan menjelaskan, pihak MPK merancang mahu meningkatkan jualan melalui tambahan produk yang mereka gelar jualan *varities*. Antara perancangan telah mereka fikirkan bersesuaian adalah dengan mempelbagaikan produk Sesagun dengan menghasilkan pembuatan biskut, makanan bijirin dan sebagainya.

Semoga hasrat murni Ahli-ahli MPK Lorong 3 Selatan, Seria ini akan tercapai yang sekali gus akan membantu menjana perekonomian penduduk kampung yang terlibat dan seterusnya melahirkan generasi yang produktif dan berdaya saing.

# Beraya ke rumah penghulu, ketua kampung

Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

**BELAIT**, Rabu, 27 Jun. - Semangat kunjung-mengunjungi di bulan Syawal ini masih meriah dan Balai Polis Setia tidak melepaskan peluang untuk mengadakan kunjungan berhari raya ke kediaman Penghulu Mukim Setia, Awang Haji Jemal bin Haji Linap.

Kunjungan tersebut diketuai oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Setia, Penolong Penguasa Polis, Pengiran Haji Muhd. Saiful Ariff bin Pengiran Haji Duraman.

Menyertai rombongan, Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Setia, Inspektor Awang Muhammad Ajib bin

Haji Ahmad bersama tiga orang anggota Polis Pengawasan Kejiranan (PK).

Sementara itu, Unit PK Balai Polis Limau Manis yang diketuai oleh KPL 4044 Pengiran Md. Iskandar Shah bin PDP Haji Salim dan Ahli-ahli PK lain juga tidak ketinggalan untuk sama-sama memeriahkan Aidilfitri dengan membuat pendekatan ke rumah Ketua Kampung Panchor Murai, Awang Haji Matassan bin Haji Salleh sebagai salah satu program pendekatan Pengawasan Kejiranan yang giat dilaksanakan.

Dengan adanya kegiatan kunjung mengunjungi ini diharap akan meningkatkan kemesraan dan kepercayaan masyarakat terhadap pihak Polis, di samping mengeratkan hubungan silaturahmi yang juga akan dapat dijadikan sebagai satu langkah bagi menyatupadukan penduduk kampung khususnya dan rakyat Negara Brunei Darussalam amnya dalam proses pembentukan negara yang aman dan harmoni.

**BALAI Polis Setia** tidak melepaskan peluang untuk mengadakan kunjungan berhari raya ke kediaman Penghulu Mukim Setia, Awang Haji Jemal bin Haji Linap (kanan). Manakala gambar bawah, Unit PK Balai Polis Limau Manis semasa membuat pendekatan ke rumah Ketua Kampung Panchor Murai, Awang Haji Matassan bin Haji Salleh.



# Pembangunan MSME komponen penting wawasan negara

Siaran Akhbar :  
Darussalam Enterprise

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Jun. - Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) merupakan satu kuasa penting dalam ekonomi global, memacu inovasi, pembangunan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Lebih daripada 90 peratus daripada perniagaan dunia adalah MSME, dan dalam pasaran baharu yang muncul, ia bertanggungjawab mewujudkan 80 peratus pekerjaan yang baharu.

Walaupun perwakilan mereka meluas, namun mereka tidak mempunyai bahagian yang sepadan dalam Produk Domestik Kasar dan eksport yang menandakan keperluan yang jelas ke arah penambahbaikan ke arah meningkatkan sumbangan mereka.

Perkara tersebut terkandung dalam perutusan daripada Darussalam Enterprise (DARE)

sempena Hari MSME Antarabangsa bagi mengiktiraf sumbangan perniagaan kepada masyarakat dan ekonomi serta keperluan untuk menyokong pertumbuhan MSME.

Di Brunei, pembangunan MSME adalah komponen penting dalam wawasan negara, Wawasan Brunei 2035, yang membayangkan ekonomi yang dinamik dan mampan dengan KDNK per kapita, di antara 10 teratas di dunia.

Untuk membolehkan keusahawanan dan merangsangkan pembangunan MSME yang inovatif, pelbagai dan kompetitif di peringkat antarabangsa, Brunei baru-baru ini telah memulakan agenda reformasi bercita-cita tinggi untuk meningkatkan Ease of Doing Business (EODB) di negara ini serta menubuhkan sebuah badan kebangsaan yang berdedikasi untuk menyokong

MSME.

Melalui pendekatan negara yang menyeluruh, Kerajaan negara ini bekerja rapat dengan sektor swasta dan telah berjaya meningkatkan dalam tempoh empat tahun kebelakangan dari 108 hingga 56 daripada 190 ekonomi dalam Laporan Bank Dunia EODB yang menjejaki rangka kerjapengawalseliaan yang mempengaruhi perniagaan sepanjang kitaran hayat mereka.

Pada tahun 2016, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan DARE bagi penubuhan DARE untuk memperjuangkan pembangunan MSME sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Sempena Hari MSME Antarabangsa, DARE melahirkan ucapan penghargaan kepada MSME atas sumbangan dan daya tahan mereka ke arah membina masa depan yang lebih baik.

# FOINS termasuk Alert List AMBD

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 29 Jun. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List AMBD telah dikemaskinikan.

Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD dengan ini memaklumkan bahawa FOINS (Financial.org Blockchain Systems) telah dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi

bulan Jun 2018.

Alert List AMBD yang dikemaskinikan boleh didapati melalui laman sesawang AMBD di [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn). Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman sesawang yang sama.

AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan serta kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.

AMBD juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi AMBD melalui talian +673 2380007 atau e-mel terus ke [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn).

# Pekerja asing lari dari majikan

Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing lari daripada majikan, iaitu warganegara Indonesia, Eka Rahmawati binti Ishaka, 25 tahun, No. Kad Pasport AU 156626.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan, laporan dibuat di Balai Polis Berakas Daerah Polis Brunei Muara.

Orang ramai yang mengetahui sebarang maklumat mengenainya bolehlah menghubungi Balai Polis Berakas Daerah Polis Brunei Muara melalui talian +673 2335333 dan hotline 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



**WARGANEGARA** Indonesia, Eka Rahmawati binti Ishaka dilaporkan lari daripada majikan.

# Sukan

## INFO SUKAN

SEBANYAK 55 sukan olimpik dan paralimpik dijangka akan dipertandingkan semasa berlangsungnya Sukan Olimpik Musim Panas di Tokyo, 2020.



ePaper Pelita Brunei

## Meterai perjanjian bersama penaja pakaian sukan



PEMANGKU Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (NFABD), Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajudin hadir menandatangani bagi pihak NFABD, sementara Sports Partnership Private Limited Singapore diwakili oleh Presidennya, Johar Jasman pada Majlis Penandatanganan Perjanjian yang berlangsung di Rumah NFABD (kiri). Sementara gambar kanan, bergambar kenangan seurus menandatangani perjanjian tersebut.

Berita dan Foto : Haji Ariffin bin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Jun. - Jenama Lotto, jenama barangan sukan dari Itali sekali lagi akan mewarnai aksi pemain-pemain bola sepak negara setelah perjanjian di antara Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (NFABD) dan Sports Partnership Private Limited (Pte. Ltd.) Singapore dimeterai dalam Majlis Penandatanganan Perjanjian yang berlangsung di Rumah NFABD,

di sini.

Hadir menandatangani bagi pihak NFABD ialah Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajudin, sementara Sports Partnership Pte. Ltd. diwakili oleh Presidennya, Johar Jasman.

Terdahulu, Setiausaha Agung NFABD, Awang Roslin bin

Suhailee semasa berucap pada majlis tersebut berkata, Sports Partnership Pte. Ltd. Singapore merupakan pemegang lesen jenama Lotto dan akan menaja pakaian sukan bola sepak bagi tempoh tiga tahun lagi bermula pada 30 Jun 2018 hingga 30 Jun 2021.

Berikutan dengan kerjasama tersebut pihak Lotto melalui

Sports Partnership Pte. Ltd. Singapore turut berharap akan dapat menyumbang ke arah pembangunan sukan lebih-lebih lagi sukan bola sepak di Negara Brunei Darussalam dan rantau sebelah sini.

Majlis penandatanganan perjanjian berakhir dengan petukaran cenderamata dan sesi bergambar ramai.

## Pengadil tempatan wakili negara pada Kejohanan AFF

**BERAKAS,** Khamis, 28 Jun. - Dua orang pengadil daripada Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) berlepas ke Surabaya, Indonesia bagi mengadili Kejohanan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah 19 Tahun 2018.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajudin.

Para pengadil tersebut terdiri daripada Pengadil FIFA, Awang Amdillah bin Zainuddin dan Penolong Pengadil FIFA, Awang Ali Faisal bin Rosli.

**PENGADIL FIFA,** Awang Amdillah bin Zainuddin dan Penolong Pengadil FIFA, Awang Ali Faisal bin Rosli bergambar ramai bersama Pemangku Timbalan Presiden NFABD, Pengiran Haji Aliudin bin Pengiran Haji Tajudin (tengah) seurus sebelum berlepas ke Surabaya, Indonesia bagi mengadili Kejohanan Bola Sepak ASEAN (AFF) Bawah 19 Tahun 2018.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hamzah Mohidin

Awang Ali Faisal ketika ditemui berkata, mereka membuat persiapan bagi mengadili kejohanan tersebut dengan menjalani latihan kecergasan dan

mempelajari undang-undang permainan bola sepak kejohanan.

Kejohanan itu dijadualkan berlangsung pada 1 hingga 14 Julai nanti.

## Tahukah Awda

**UNIVERSITI** Brunei Darussalam (UBD) buat julung kalinya menandatangani Perjanjian Pelesenan Paten Anti-Bacterial and Anti-Fungal Photocatalytic Smart Coating bersama Smart Coating Technologies (B) Sendirian Berhad di Bangunan Integrated Science, UBD pada 8 Mei 2018.

Teknologi ini khusus bagi aplikasi lapisan perlindungan anti-bakteria dan anti-kulat pada bangunan yang membantu mengurangkan kos penyelenggaraan tahunan serta berpotensi dieksport ke lokasi lain dengan iklim serupa.

SUMBER : Laman sesawang UBD, [www.ubd.edu.bn](http://www.ubd.edu.bn).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**BERI SALAM, JAGA ADAB, TATASUSILA KETIKA BERKUNJUNG**

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.